Jilid II
Bil. 23

Hari Selasa
22hb Ogos, 1972

# PENYATA RASMI

## OFFICIAL REPORT

## DEWAN RAKYAT

*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

## PARLIMEN KETIGA

*Third Parliament*

## PENGGAL PARLIMEN KEDUA

*Second Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2967]**

**KENYATAAN MENTERI MENGENAI BANTUAN KEWANGAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN [Ruangan 3016]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

- **Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah [Ruangan 3018]**

**USUL-USUL:**

- **Menarik Balik dan Menangguhkan Rang Undang-undang Kutu [Ruangan 3017]**
- **Waktu Mesyuarat dan Urusan Yang Dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 3069]**
- **Ucapan-ucapan Penangguhan—**
  - **Buku-buku teks Percuma bagi sekolah-sekolah Rendah [Ruangan 3072]**
  - **Pondok-pondok Talipon di Pulau Pinang Utara—Diperbanyakkan [Ruangan 3075]**

MALAYSIA

# DEWAN RAKYAT YANG KETIGA

*Penyata Rasmi*

## PENGGAL YANG KEDUA

---

Hari Selasa, 22hb Ogos, 1972

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

YANG HADIR:

Yang Berhormat Tuan Yang di Pertua, TAN SRI DATUK CHIK MOHAMED YUSOF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, P.M.N., S.P.M.P., J.P., Datuk Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATUK HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATUK HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N., S.P.M.K. (Pontian Utara).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).

„ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI DATUK TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).

„ Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).

„ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).

„ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ Menteri Kebajikan Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

„ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATUK ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).

„ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Penerangan, TAN SRI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., D.I.M.P., P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATUK ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Menteri Perusahaan Utama, TUAN HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

" Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

" Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).

" Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

" Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, DATUK WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT, K.M.N. (Johor Bahru Barat).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

" Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Rembau-Tampin).

" NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).

" DATUK DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).

" TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).

" TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).

" PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).

" TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).

" TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).

" TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).

" PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).

" TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).

" TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

" TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).

" PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).

" DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).

" TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, S.M.K., J.S.M., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).

" DATUK PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.N.B.S., P.B.S. (Julau).

" CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).

" TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).

" AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).

" TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).

" TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).

Yang Berhormat TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

" TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).

" TUAN CHEN KO MING, A.M.N., P.B.S. (Sarikei).

" DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

" TUAN MICHAEL CHEN WING SUM (Ulu Selangor).

" DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).

" TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).

" TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

" TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).

" TUAN FAN YEW TENG (Kampar).

" DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).

" TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).

" TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).

" TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).

" TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

" TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

" TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

" TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

" DATUK KHOO PENG LOONG, P.N.B.S., O.B.E. (Bandar Sibu).

" TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).

" TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

" TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

" TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

" TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

" TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

" TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

" TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

" TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

" DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

" TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

" TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

" TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

" TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).

" TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

" TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

" WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

" TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL, J.S.M. (Perlis Selatan).

" TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Pasir Mas Hilir).

Yang Berhormat TUAN MUSA HITAM (Segamat Utara).

„ DATUK HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

„ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Luboh Antu).

„ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S. (Muar Dalam).

„ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

„ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).

„ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

„ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S. (Muar Pantai).

„ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).

„ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).

„ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).

„ DR A. SOORIAN (Port Dickson).

„ TUAN SU LIANG YU (Bruas).

„ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).

„ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).

„ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).

„ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).

„ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).

„ DR TAN CHEE KHOON (Batu).

„ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).

„ TUAN TIAH ENG BEE, K.M.N., P.I.S. (Kluang Utara).

„ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).

„ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).

„ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).

„ DATUK JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).

„ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

„ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).

„ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

„ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).

| | |
|---|---|
| Yang Berhormat | Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub). |
| „ | Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri dan Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir). |
| „ | Setiausaha Parlimen kepada Menteri Perhubungan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol). |
| „ | Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang). |
| „ | Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah). |
| „ | DATUK HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, S.P.M.J., P.N.B.S., S.I.M.P. (Payang). |
| „ | TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut). |
| „ | TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran). |
| „ | TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER (Bau-Lundu). |
| „ | TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara). |
| „ | TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok). |
| „ | DR LIM CHONG EU (Tanjong). |
| „ | DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Sandakan). |
| „ | TUAN LUHAT WAN (Baram). |
| „ | TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam). |
| „ | DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu). |
| „ | TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort). |
| „ | TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud). |
| „ | TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH (Darvel). |
| „ | DATUK ENGKU MUHSEIN BIN ENGKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N. (Trengganu Tengah). |
| „ | TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu). |
| „ | DATUK PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu). |
| „ | DATUK S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu). |
| „ | PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis). |
| „ | TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang). |
| „ | TUAN TING MING KIONG (Bintulu). |
| „ | TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau). |
| „ | TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan). |

## YANG HADIR BERSAMA:

| | |
|---|---|
| Yang Berhormat | Menteri Tugas-tugas Khas, DR LIM KENG YAIK (Dilantik). |

# DOA

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

# JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

## DAFTAR PENGUNDI—NASKAH-NASKAH

1. **Dr S. Seevaratnam** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak dapat menjual naskah-naskah Daftar Pengundi yang terbaru kepada parti-parti Pembangkang untuk panduan, rujukan dan pengetahuan mereka dan samada beliau akan mengarahkan Suruhanjaya Pilihanraya supaya menyediakan secukup-cukupnya naskah-naskah Daftar Pengundi yang terbaru untuk dijual kepada parti-parti politik yang ingin membelinya supaya kegiatan-kegiatan demokratik yang sah parti-parti dari Pembangkang tidak dihalangi.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, setakat ini Suruhanjaya Pilihanraya mencetak 14 set naskah Daftar Pemilih untuk kegunaan bagi seluruh Malaysia, bagi maksud penyemakan dan pendaftaran pemilih 1972/73. Dari segi pentadbiran dan kewangan adalah membazir mencetak naskah yang lebih daripada yang diperlukan kerana satu set memakan belanja sebanyak lebih kurang $68,000 dan memerlukan ruangan tempat simpan seluas 486 kaki padu (cubic feet). Dan oleh kerana Daftar Pemilih dibaharui tiap-tiap tahun, naskah-naskah lama tidak boleh diguna lagi.

Walau bagaimanapun, Suruhanjaya Pilihanraya boleh diminta menyediakan bilangan naskah Daftar Pemilih yang lebih untuk kegunaan parti-parti Politik yang memerlukannya, dengan syarat parti-parti politik memberitahu keperluan mereka kepada Suruhanjaya Pilihanraya terlebih dahulu.

## DASAR KERAJAAN MENGENAI PERSEIMBANGAN EKONOMI

2. **Tuan Fan Yew Teng** minta Perdana Menteri menyatakan apakah rancangan jangka panjang Kerajaan yang berkesan untuk membaiki tidak perseimbangan ekonomi yang teruk di antara rakyat Malaysia dan orang-orang asing di negara ini.

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di Pertua, saya telah pun menerangkan sepenuhnya dasar dan strateji Kerajaan dalam perkara ini apabila menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka pada 10hb Ogos, 1972.

## TENDER-TENDER—ARAHAN LEMBAGA TENDER

3. **Awang Bungsu bin Abdullah** (*di bawah S. O. 24* (*2*)) minta Menteri Kewangan menyatakan dasar Kerajaan mengenai pemberian tender-tender, tugas-tugas dan arahan-arahan yang dikeluarkan kepada Lembaga Tender sebagai panduan dalam menimbangkan pemberian tender-tender.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di Pertua, Dasar Kerajaan ialah untuk mendapatkan seboleh-bolehnya syarat-syarat yang paling menguntungkan sekali dengan syarat bahawa mutunya betul, dan arahan-arahan Perbendaharaan mengenai perkara ini adalah dibuat dengan menuju ke arah ini.

**Tuan Tajudin bin Ali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Memikirkan Dasar Ekonomi Baharu yang sentiasa diagung-agungkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah Menteri yang berkenaan memikirkan, atau pun ada rancangan-rancangan yang tertentu berkenaan dengan kontrek ini untuk memberi peluang yang lebih luas lagi kepada orang-orang Melayu, dan menyenangkan kedudukan mereka itu mendapat duit daripada Kerajaan di lapangan atau pun jurusan ini?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan memang ada rancangan menyusun semula peraturan-peraturan tender dengan tujuan untuk lebih mempercepatkan lagi peranan orang-orang Melayu dan bumiputra di dalam mendapatkan tender Kerajaan, tetapi perkara ini masih lagi belum diputuskan oleh pihak Kerajaan yakni Kerajaan Pusat dan Kerajaan-kerajaan Negeri, jadi tidak dapatlah saya beritahu akan penyusunan semula itu.

**Tuan Tajudin bin Ali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Agaknya berapa minggu lagi, berapa bulan lagi yang

Rancangan Malaysia Kedua kita ini hendak sampai pada penghujungnya, bagi orang-orang Melayu menunggu?

**Tuan Ali bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di Pertua, seberapa cepat yang boleh selepas diluluskan oleh National Finance Council.

## SEKIM GAJI POLIS—MENGKAJI

4. **Dr Tan Chee Khoon** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada beliau akan mengkaji sekim gaji Polis Di Raja Malaysia dengan tambahan yang sesuai dengan taraf hidup di waktu sekarang.

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Tuan Yang di Pertua, tangga gaji bagi anggota Polis Di Raja telah disemak dan dimasukkan dalam Lapuran Suffian yang telah dikuatkuasakan pada 1-1-70, yang telah diterima oleh Kerajaan dan Pasukan Polis. Tidak ada rancangan pada masa ini untuk membuat penyemakan semula.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sedar kakitangan Polis Di Raja Malaysia khasnya kakitangan rendah, mereka tidak puas hati tentang elaun perumahan yang diberi kepada mereka. Jika Menteri yang berkenaan sedar, apa langkah-langkah beliau akan ambil untuk memberi elaun perumahan yang sewajarnya kepada mereka?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu, bilakah masanya dia mendapat sungutan ini daripada ahli-ahli jawatan rendah itu, sebelum saya menjawab.

**Tuan Yang di Pertua:** Soalan dari Yang Berhormat Menteri, bilakah masanya dapat pertanyaan itu?

**Dr Tan Chee Khoon:** Saya tidak faham, Tuan Yang di Pertua, ada masa, apa masa?

**Tuan Yang di Pertua:** Bila masanya didapati sungutan yang dibuat tadi?

**Dr Tan Chee Khoon:** Saya telah mendapat surat daripada kakitangan-kakitangan Polis Di Raja Malaysia, barangkali satu bulan yang lalu mereka ada menulis kepada saya tentang perkara ini (elaun perumahan).

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, bagaimana yang saya katakan tadi, gaji-gaji ahli-ahli Polis ini ialah bersama dalam Sekim Suffian dan itu telah diterima. Atas sungutan itu memanglah takbiat manusia. Separuh-separuhnya ada yang menyungut, atau pun kalau dia tidak puas hati, dia menyungut jugalah. Ahli Yang Berhormat itu nampaknya berbuat begitu juga.

**Dr Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Adakah Menteri yang berkenaan sedar elaun perumahan yang diberi kepada kakitangan Polis Di Raja yang bekerja di Kuala Lumpur langsung tidak mencukupi?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Adakah Ahli Yang Berhormat itu mengatakan elaun yang diberi di bawah gaji Suffian itu tidak mencukupi?

**Tuan Thomas Selvaraj Gabriel:** *Bangun.*

**Tuan Yang di Pertua:** Ini tidak habis lagi! Ada pertanyaan dari pihak Menteri. Sila jawab.

**Dr Tan Chee Khoon:** Saya tidak dengar apa yang ditanyakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri. Bolehkah beliau . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Ahli Yang Berhormat tadi membuat soalan tambahan.

**Dr Tan Chee Khoon:** Ya.

**Tuan Yang di Pertua:** Soalan tambahan itu ditanya.

**Dr Tan Chee Khoon:** Saya tidak dengar, Tuan Yang di Pertua. Jika Yang Berhormat Menteri boleh bertanya semula, saya boleh menjawab pertanyaan itu.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Saya bertanya kepada Ahli Yang Berhormat itu, adakah ia bermakna yang elaun-elaun rumah ini yang diberi di bawah sekim Suffian itu tidak mencukupi?

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di Pertua, elaun-elaun yang diberi kepada kakitangan Polis Di Raja rendah, mereka dapati, jika saya tidak salah, $80.00 satu keluarga

atau seorang. Pada pendapat saya, elaun ini tidak mencukupi untuk kediaman di Kuala Lumpur bagi satu-satu keluarga umpamanya keluarga itu tinggal lima enam orang.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Kerajaan telah menerima gaji Lapuran Suffian ini dan dilaksanakan 100% dan ini telah diterima oleh Pasukan Polis. Jadi dalam itu termasuklah semua sekali elaun.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, bila Kerajaan meminta Suffian Commission itu menyiasat gaji-gaji kakitangan Kerajaan, tidak diberi satu kuasa bagi menyiasat gaji-gaji Polis Constable. Tetapi kita nampak sekarang gaji mata-mata, bukan saya kata inspector, atau pegawai besar, tetapi polis constable, gaji mereka sangat rendah. Bolehkah Kerajaan menerima gaji yang rendah ini mesti ditambah pada masa akan datang?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Kerajaan telah terima Lapuran Suffian itu dan telah dilaksanakan dan telah diterima oleh Pasukan Polis.

**Tuan Thomas Selvaraj Gabriel:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Pada masa sekarang Pasukan Polis Hutan, bila seseorang kena bunuh oleh pengganas kominis cuma mendapat $2,000 sebagai saguhati. Adakah Kerajaan ingin membayar saguhati ini sampai $5,000 bagaimana Kerajaan telah memberitahu yang Kerajaan akan membayar kepada askar iaitu bila askar kena bunuh, dia akan dapat $5,000. Saya hendak dapat tahu, adakah Kerajaan akan membayar kepada Pasukan Polis bila kena bunuh oleh kominis?

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Kerajaan telah mengkaji iaitu sungguhpun Pasukan Polis Hutan ini ialah satu daripada angkatan Polis Di Raja, tetapi oleh sebab pekerjaannya separuhnya sama juga dengan tentera, maka sekarang Kerajaan tengah menyiasat bagaimana hendak memberi layanan kepada ahli-ahli Polis Hutan ini.

## RANCANGAN PERUMAHAN AWAM—CADANGAN

**5. Tuan V. David** bertanya kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri samada lawatan beliau ke Singapura untuk mempelajari rancangan Perumahan di sana telah memberikan hasil dan jika demikian apakah cadangan-cadangan beliau untuk menyediakan rumah-rumah murah kepada semua mereka-mereka yang memerlukannya dan samada cadangan-cadangan itu masih dalam peringkat perlaksanaan dan berapa lamakah masa yang akan diambil untuk menyempurnakannya.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tuan Yang di Pertua, Lawatan ke Singapura itu adalah berhasil. Berhubung dengan cadangan-cadangan rancangan perumahan awam bagi kumpulan pendapatan rendah setakat ini 16,608 yunit rumah-rumah berharga murah telah diluluskan untuk perlaksanaan. Separuh daripada sekim-sekim ini akan siap pada tahun ini, yang lainnya akan siap pada tahun-tahun 1973, 1974 dan 1975. Adalah diharapkan bahawa semua rancangan-rancangan itu akan siap sebelum penghujungan Rancangan Malaysia Kedua, tetapi ada kalanya rancangan-rancangan perumahan yang besar-besar yang melibatkan pembangunan berperingkat-peringkat, akan siap selepas tahun 1975. Banyak lagi permohonan-permohonan bagi rancangan-rancangan baharu telah diterima dan sekarang ini sedang diproses.

## PEJABAT-PEJABAT TANAH—MENYUSUN SEMULA

**6. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah langkah yang sedang diambil untuk menyusun semula pejabat-pejabat tanah di seluruh negara supaya geran-geran tanah dapat dikeluarkan dengan lebih cepat dan bukannya seperti yang terdapat sekarang, di mana ada kala geran-geran belum lagi dikeluarkan selepas 20 tahun.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di Pertua, langkah-langkah menyusun semula Pejabat-pejabat Tanah dengan cergas telahpun diambil sejak tahun 1971 dengan mengasingkan Pejabat-pejabat Tanah dari Pejabat-pejabat Daerah. Pentadbiran tanah juga telah dibaiki dengan mengadakan sistem pengendalian yunit di dalam pentadbiran tanah itu dibahagikan kepada beberapa yunit yang berkaitan dan tiap-tiap satu yunit itu bertanggungjawab kepada urusan-urusan yang berkaitan.

Walau bagaimanapun pembaikan pentadbiran Pejabat-pejabat Tanah ini belum dapat dijalankan di seluruh negara kerana kekurangan kakitangan dan kemahiran, dan ianya masih dalam peringkat percubaan lagi.

Menyentuh tentang geran-geran yang belum lagi dikeluarkan selepas 20 tahun, kelambatan yang dialami di masa-masa yang lepas adalah dari segi pengukuran dan penyediaan-penyediaan hakmilik. Dari segi ini, Kerajaan baharu mulai memakai alat komputer letronik. Sebahagian daripadanya telah berjalan. Apabila alat-alat ini telah berjalan sepenuh-penuhnya tentulah urusan pengeluaran hakmilik akan dapat disegerakan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Sungguhpun Kerajaan ada menyusun sekali Pejabat-pejabat Tanah, tetapi ada lagi kejadian-kejadian kelambatan dalam Pejabat Tanah dan dengan izin, kalau boleh, Tuan Yang di Pertua, saya menyentuh satu perkara di mana ada satu kes tanah geran itu 20 tahun belum dapat dikeluarkannya dan saya baca daripada surat yang saya tulis sendiri kepada Pejabat Tanah yang sangat pendek sehaja dan dengan izin, saya mohon membacakannya di dalam bahasa Inggeris.

**Tuan Yang di Pertua:** Pendek atau pun panjang?

**Tuan Lim Kit Siang:** Pendek sahaja cuma dua perenggan. Here is the case:

> "Madam Teh Ngoh Neo of Tranquerah Road, Malacca, had a piece of land which has an area of 8 acres, 2 rods and 10 poles. In 1952, the Government acquired 3 acres, 3 rods and 10 poles and she returned her original grant for alteration and the issue of a new grant for the balance of her land. Her 20 years of efforts through lawyers and other persons have failed to get the Land Office to issue her the title which is in Triang in Pahang. And every year she has to pay her quit rent for undoubtedly if she defaults, the Government will have no compunction to seize the land and this has caused great hardship to her because Madam Neo is now over 70 years old and she could not transfer or sell her remaining land without the title."

Ini satu perkara di mana Kerajaan menarik balik, acquire 3 ekar itu dengan terpaksa (compulsion) satu bahagian tanah untuk membina sebuah new village di Triang, tetapi selepas 20 tahun dia tak boleh dapat satu geran baharu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyiasat atas perkara ini dan tengok apa yang boleh dibuat?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Kalau dapat minta surat itu dirujuk kepada saya, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Fan Yew Teng:** Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar ada satu sebab yang lain untuk kelambatan (inefficient) bagi Pejabat Tanah memungut hasil tanah iaitu Collector of Land Revenue, ada banyak kali ditukar dari satu pejabat ke pejabat yang lain. Satu contoh yang buruk ialah di kawasan atau Daerah Kecil Kampar dan Gopeng yang mana Pejabat Tanah itu Pegawai Daerahnya juga menjadi Collector of Land Revenue telah ditukarkan selalu dalam tempoh 3 tahun. Kami di Kampar dan Gopeng telah ada 4 orang pegawai-pegawai.

**Tuan Yang di Pertua:** Ini sudah pergi ke lain daripada soalan asal, sudah ke Gopeng pula.

**Tuan Fan Yew Teng:** Ini disebabkan kelambatan.

**Tuan Yang di Pertua:** Hanya memadai kata Pegawai-pegawai Pejabat Tanah itu selalu ditukar-tukar, itu sudah cukup—tanya fasal apa!

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Saya tahu Collector of Land Revenue ini memanglah ditukar mengikut syarat-syarat perkhidmatan tiap-tiap 3 tahun dan masa yang berdekatan itu, tetapi saya fikir ini bukan sebabnya kelambatan bagi pentadbiran tanah.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, adakah Kerajaan sedar ada Pegawai Daerah pada siang hari pergi ke Genting Highlands bermain judi dan tidak ada dalam pejabat-pejabat yang mana siapa-siapa yang mohon meminta tanah tidak mendapat jawapan sudah 3 bulan, 4 bulan. Bila orang itu pergi berjumpa dengan Pegawai Daerah, dia kata dalam fail surat itu tidak ada

dan bolehkah beri satu salinan lagi. Bolehkah Kerajaan menyiasat perkara ini yang boleh dikatakan mustahak kalau Rancangan Malaysia Yang Kedua mahu berjalan dengan betul. Bolehkah Kerajaan menyiasat semua Pejabat Daerah di seluruh tanah ayer kita membuat satu lapuran yang mana boleh diambil tindakan supaya Pegawai-pegawai Daerah boleh rajin bekerja dan boleh menjawab segala permohonan-permohonan rakyat di tanah air kita yang implement rancangan-rancangan Malaysia?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, saya menolak atas tuduhan-tuduhan Ahli Yang Berhormat itu atas sebab-sebab sebagai kelambatan pentadbiran tanah.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, jawapan ini tidak patut. Kalau saya boleh bawa banyak kekotoran daripada Pejabat Daerah sebab . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Pertama sekali soalan itu pun sudah luar daripada soalan yang asal.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri tahu di Kuala Langat bukan sahaja mendapatkan geran tanah, tetapi tanah-tanah yang sudah dibayar premium, dibayar service feenya sampai hari ini iaitu 15 tahun lamanya rakyat itu tak tahu di mana tanahnya. Tiap-tiap tahun cukai tanah dibayar, tanah masih hutan lagi dituntut juga cukai ini. Yang Berhormat Menteri Kesihatan tahu di atas hal ini. Bolehkah disiasat atas perkara ini?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Lebih elok kalau Ahli Yang Berhormat itu memberi kalau ada specific case kepada saya dan saya boleh siasat. Kalau secara am susah sedikit.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di Pertua, tadi Menteri yang berkenaan menyatakan di antara sebab-sebab kelambatan kerja di Pejabat-pejabat Tanah ialah kekurangan kakitangan yang mahir. Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan adakah beliau sedar ada beribu-ribu pemuda-pemudi yang ada kelayakannya tidak ada kerja dan mereka jika diambil dan dilatih maka mereka boleh mencepatkan kerja di Pejabat-pejabat Tanah masing-masing di seluruh tanah air kita.

**Tuan Yang di Pertua:** Ini luar daripada soalan.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri penyusunan semula Pejabat-pejabat Tanah dimula dalam tahun 1971. Saya ingin mendapat penjelasan di sini sejak mula dijalankan penyusunan sehingga kepada hari ini berapa buah negeri di dalam Malaysia ini yang telah selesai disusun semula?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Ini berkehendakkan notis, Tuan Yang di Pertua.

**Tuan Yang di Pertua:** Berkehendakkan notis.

**Tuan Hussain bin Haji Sulaiman:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Di dalam penyusunan itu, apakah masaalah-masaalah yang paling rumit yang telah dijumpai dan negeri manakah yang paling banyak sekali menimbulkan masaalah di dalam penyusunan ini?

**Tuan Yang di Pertua:** Itulah berkehendakkan notis!

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi saya ingin mendapat tahu apa langkah yang sedang dibuat oleh Kementerian ini untuk mengatasi kekurangan kakitangan Kerajaan, bila kiranya dapat disempurnakan kekurangan ini?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Latihan telah dijalankan.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Bilakah masa dapat disempurnakan? Ini rakyat hendak tahu, kalau kata 2 tahun, 3 tahun sampai 10 tahun geran pun tak dapat. Kalau latihan, bila dapat diatasi masaalah ini? Itu rakyat yang hendak tahu, bukan saya.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Bila susunan semula sudah siap.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Adakah benar bahawa dengan sebab kelambatan

pengeluaran geran-geran ini bahawa Kementerian ini tak dapat kerjasama daripada Kerajaan tiap-tiap Negeri?

**Tuan Yang di Pertua:** Sudah dijawab tadi.

**Tuan Fan Yew Teng:** Tuan Yang di Pertua, saya berasa terperanjat atas jawapan Menteri itu menyatakan pertukaran pegawai di pejabat-pejabat Tanah bukanlah satu sebab inefficiency di pejabat itu. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa apabila seorang pegawai ditukar keluar kawasan, bukanlah seorang pegawai baru yang bertanggungjawab dihantar untuk menggantikannya dengan cepat, terpaksa menunggu hingga 4 bulan tak ada pegawai yang bertanggungjawab bagi menjalankan tanggungjawab di Pejabat itu?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Pertanyaan itu telah dijawab oleh pertanyaannya sendiri.

**Tuan Yang di Pertua:** Jadi jawapan betul atau tak betul sahaja.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Dia kata kalau ada ganti, mestilah ada pegawai yang bertanggungjawab. Jadi transfer itu bukanlah soalnya.

**Tuan Fan Yew Teng:** Kalau begitu Yang Berhormat Menteri sekarang bersetuju bahawa itu ialah satu sebab di antara sebab-sebab lain, bukankah begitu?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Soal transfer ini berlaku dalam semua pejabat, tetapi saya nampak pejabat yang cukup cekap pun ada juga melakukan transfer ke atas pegawai-pegawainya.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama sedar bahawa sebab-sebab yang menjadi kelambatan pengeluaran geran tanah itu ialah disebabkan kekurangan kerani-kerani di Pejabat-pejabat Tanah. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh Menteri itu?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Kekurangan kakitangan yang mahir, itulah sebabnya.

**Tuan Hashim bin Gera:** Adakah Kementerian yang bersangkutan tahu setengah-setengah Pejabat Tanah mengiklankan pembukaan tanah kepada rakyat, maka rakyat pun berduyun-duyun kerana ingin dan dahagakan kepada tanah, pergi ke Pejabat Tanah, ambil borang, dan diisikan kehendak-kehendaknya dengan wang $2. Tetapi apakala surat itu tiba ke Pejabat Tanah, maka dibalas: Surat tuan telah diterima dan akan ditimbangkan. Maka ditimbangkan sampai dua tahun. Adakah Kementerian ini tahu harapan rakyat yang demikian itu dan apakah tindakan akan dibuat kepada Pejabat Tanah yang demikian itu?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Permintaan tanah itu banyak rupanya, Tuan Yang di Pertua. Saya tak tahu apa yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dengan permohonan tanah. Ada banyak konteksnya, ada untuk land development, dan ada permintaan-permintaan tanah yang lain.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di Pertua, adakah Menteri yang berkenaan tahu yang saya katakan itu bukannya tanah lombong, bukannya tanah balak—tanah tapak rumah sahaja, tetapi tidak menerima jawapan.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Barangkali perkara ini sedang diproseskan.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Tuan Yang di Pertua, adakah Menteri itu tahu tiap-tiap hari pegawai-pegawai tanah ini, iaitu Penolong Pegawai Daerah dan Pegawai Daerahnya, tiap-tiap hari daripada pagi sampai petang, mesyuarat sahaja lain tak ada apa kerjanya, cuma bermesyuarat sahaja, adakah tahu atas perkara ini?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Kalau kewajipannya berkehendakkan bermesyuarat, tentulah dia bermesyuarat.

**Tuan V. David:** Adakah Yang Berhormat Menteri boleh menasihatkan pegawai-pegawai Daerah yang bermesyuarat setiap hari mulai pukul 8 hingga 4 petang supaya apa-apa mesyuarat tolonglah ditangguhkan untuk melayani rakyat yang datang meminta tanah dan mengambil tindakan atas pembukaan tanah dalam Rancangan Malaysia Kedua, bolehkah atau tidak?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, saya ingat perkara ini diketahui oleh mereka.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Oleh kerana jawapan Menteri yang berkenaan tadi terlampau cepat, saya sendiri pun tidak tahu apakah langkah-langkah yang hendak diambil bagi mengatasi kekurangan kerani-kerani di Pejabat Tanah bagi mengeluarkan geran-geran itu. Saya minta Menteri yang berkenaan tolong jawab, apakah langkah-langkah untuk mengatasi kekurangan kerani-kerani di Pejabat Tanah?

**Tuan Yang di Pertua:** Bukan salahnya daripada kerani, salahnya belum tentu lagi pada kerani-kerani itu.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Bukan salah kerani, kekurangan kerani-kerani.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Saya telah terangkan dalam jawapan saya tadi, bukan kita kekurangan kerani, tetapi pegawai-pegawai kemahiran. Langkah yang diambil ialah melatih mereka dan sementara itu kita hendak mengambil lebih banyak lagi electronic plotter supaya dapat mempercepatkan soal penyediaan hakmilik tanah itu.

**Tuan Haji Mawardi bin Lebai Teh:** Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa setengah-setengah Pejabat Tanah tidak memotong hasil-hasil tanah kepada tanah-tanah yang diambil oleh Kerajaan untuk membuat sungai di kawasan Rancangan Muda, jika sedar, sehingga bilakah perkara ini akan diselesaikan?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, perkara ini dijalankan oleh State Government.

**Tuan Fan Yew Teng:** Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa lagi satu sebab kelambatan di dalam Pejabat Tanah ialah kerana kekurangan kakitangan di Jabatan Ukor?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, Jabatan Ukur ada sedikit sehaja kekurangan, tetapi kekurangan seluruhnya daripada Jabatan Ukur dan Jabatan Tanah ialah kekurangan kakitangan yang mahir, bukan di Jabatan Ukur sahaja.

**Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid:** Tuan Yang di Pertua, adakah Kementerian ini sedar dan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pehak Kementerian iaitu seseorang yang mendapat tanah dan mahu menentukan sempadan tanahnya dan meminta pihak Pejabat Tanah memberitahu ukurannya akan tetapi kakitangan yang datang menunjukkan batu sempadan tanah itu menuntut perbelanjaan tambang dan makan dan upah kepenatan mereka itu. Adakah pihak Kementerian ini sedar tentang perkara ini, kerana sekiranya tuan tanah tidak memberi wang, terpaksalah dia menunggu bertahun-tahun tidak juga mengetahui sempadan tanahnya. Kalau mereka itu mempunyai semangat untuk bercucuk tanam, bertanam pula atas tanah orang lain, maka selepas itu terpaksa dipulangkan balik. Adakah Kementerian ini sedar tentang kakitangan yang menuntut belanja tambang, makan dan upah untuk dia datang itu?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Ini tak ada dalam peraturan kerja yang semacam itu.

**Tuan Yang di Pertua:** Tak ada dalam peraturan kerja, makan minum itu tak ada dalam peraturan kerja.

**Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid:** Tuan Yang di Pertua, memang kita tahu benda itu memang tak ada dalam peraturan kerja, menyalahi dari segi undang-undang, tetapi adakah Kementerian ini sedar perkara ini telah dan sudah berlaku?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Kalau mendapat komplen, Tuan Yang di Pertua.

## PROJEK INDASTRI AIR KROH DI MELAKA—KELAMBATAN

7. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan sebab-sebab kelambatan memulakan Projek Indastri Air Kroh di Melaka untuk menarik indastri-indastri dan mengujudkan kerja-kerja bagi penduduk-penduduk di Melaka; dan samada Projek Indastri Air Kroh akan berakhir sebagai "gajah puteh" yang menjadikan bebanan kepada Negeri Melaka.

**Menteri Perdagangan dan Perindastrian (Tuan Mohamed Khir Johari):** Tuan Yang di Pertua, saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa di bawah peraturan-peraturan

sekarang pembukaan ladang-ladang perusahaan adalah diselenggarakan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri. Kementerian Perdagangan dan Perindastrian melalui Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan atau FIDA hanya akan menasihat dan membantu di mana yang boleh.

Walau bagaimanapun Ahli Yang Berhormat mungkin ingin mengetahui bahawa dalam rancangan pertama ladang perusahaan Air Kroh, 30 ekar telah dibuka. Tujuh buah syarikat-syarikat telahpun diluluskan bagi mendirikan kilang-kilang di kawasan itu; satu bangunan kilang telahpun dibina dan 3 lagi sedang dalam pembinaan. Daripada 14 lot yang asal, hanya 3 lot sahaja yang tinggal untuk dimiliki. Dalam rancangan kedua, 40 ekar sedang dibuka dan Malaysian Industrial Estate Limited telah memohon sebanyak 10 ekar. Beberapa pihak sedang menemui Perbadanan Kemajuan Negeri untuk mendapatkan tapak-tapak dalam rancangan kedua ini.

Ini adalah tanda-tanda menunjukkan yang pembangunan ladang Perusahaan Air Kroh sedang berjalan dengan baik. Ingin saya menyatakan bahawa ladang perusahaan merupakan syarat terdahalu yang penting dan satu infrastruktur yang perlu sebelum pengusaha-pengusaha membuat pertimbangan menempatkan perusahaan-perusahaan mereka dalam satu-satu kawasan. Dalam konteks ini, saya percaya bahawa ladang Perusahaan Air Kroh tidak mungkin berakhir sebagai satu "gajah puteh". Saya takut yang mungkin menjadi "gajah putih" ialah DAP kerana banyak tokoh-tokohnya telah lari keluar daripada partinya (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Saya harap Yang Berhormat Menteri sendiri tidak akan menjadi satu "gajah putih", tetapi oleh kerana pengangguran di negeri Melaka sangat teruk, khasnya selepas pengunduran Tentera-tentera British daripada Kemah Trendak, bolehkah Yang Berhormat Menteri melancarkan satu ikhtiar khas untuk mempercepatkan pembangunan kilang-kilang di Air Kroh untuk mengadakan pekerjaan menyelesaikan masaalah pengangguran besar di negeri Melaka.

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Tuan Yang di Pertua, ini sudahpun dijalankan.

## PENGUASA PERUBATAN HOSPITAL—PENGGUNAAN AMBULAN

8. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada beliau sedar bahawa amalan yang terdapat sekarang dalam mana Penguasa Perubatan Hospital sahaja boleh menggunakan budicaranya untuk membenarkan ambulan-ambulan menghantar orang-orang sakit ke rumah mereka dari hospital menyebabkan kesusahan kepada ramai orang dan samada beliau akan memberi kuasa ini kepada lebih ramai lagi orang di hospital-hospital.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):** Tuan Yang di Pertua, tidak, saya tiada pun sedar bahawa amalan sekarang ini yang memberi kuasa kepada Penguasa Perubatan Hospital menggunakan budibicaranya membenarkan penggunaan ambulan untuk membawa pesakit-pesakit balik ke rumah dari hospital menimbulkan kerumitan-kerumitan kepada orang ramai. Penguasa Perubatan boleh menurunkan kuasanya kepada kakitangan yang di bawahnya yang kanan, jika perlu bila-bila masa.

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Adakah Kementerian Kesihatan tahu dan akan bertindak supaya tidak akan berlaku lagi iaitu seorang sakit yang bukan duduk di Kuala Lumpur masuk ke Rumah Sakit Universiti. Apakala orang itu tidak dapat diubat lagi dan difikirkan oleh doktor itu ajalnya akan sampai, dia dihantar balik tetapi malangnya sisakit dihantar ke setesyen keretapi dengan seorang diri dan apabila dia tiba di setesyen keretapi tempatnya sehari semalam tidak ada siapa yang mengambil dia. Perkara itu telah berlaku kepada seorang pemuda yang bernama Jamali bin Mohd. Yusof. Kakinya dipotong sekerat oleh doktor di Ipoh dan difikirkan oleh doktor di Ipoh tidak boleh diubat, dihantar ke Rumah Sakit Universiti. Satu bulan setengah di Universiti tidak dapat baik, kemudian dihantar balik, sehari semalam di setesyen keretapi dengan tidak ada siapa yang memandunya, kakinya sebelah sahaja. Akhirnya dibawa oleh penarik teksi roda tiga ke rumah ayahnya, tiba tiga empat hari mati. Adakah perbuatan itu akan berlaku lagi dan adakah Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan perkara yang demikian?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, Kementerian Kesihatan memang

mengadakan berbagai-bagai cara perubatan untuk kebaikan pesakit-pesakit kita seberapa yang boleh. Akan tetapi, bukan semuanya pesakit-pesakit kita boleh diubat, jadi kalau semua pesakit boleh diubat; orang tidak matilah (*Ketawa*).

**Tuan Hashim bin Gera:** Soalan tambahan. Soal yang saya kemukakan ini bukan fasal doktor boleh menjamin nyawa seseorang—tidak. Soal yang saya kemukakan ini apakah sebab sisakit itu dihantar dengan tidak diiringi oleh seorang atendan untuk menjaga, merawat dia di dalam keretapi kalau dia meninggal dunia. Dia ialah seorang pesakit yang tidak mempunyai kaki, hanya dihantar dengan seorang diri, ini soal yang saya kemukakan, bukan soal fasal mati, siapa pun mati, saya pun mati (*Ketawa*).

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Keputusan itu ialah terpulang kepada Pegawai Perubatan untuk mengiringi seorang pesakit ke hospital atau ke mana-mana tempat; keputusan adalah dibuat oleh Pegawai Perubatan.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bukan juga doktor-doktor ada membaiki orang sakit, minggu lepas ada ubat yang hendak diberi kepada patient asthma dia beri lain ubat, ada 6 orang masuk hospital dalam keadaan "coma" dan ada 200 orang lebih out-patient, sebab doktor sudah beri salah ubat, adakah atau tidak?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, soalan itu yang sebenarnya adalah lain. Akan tetapi, saya suka menjelaskan di sini kejadian itu bukan kesalahan daripada doktor. Akan tetapi Kementerian saya telah mengambil tindakan yang keras supaya kejadian itu dilapurkan kepada pihak Polis. Jadi sekarang pihak Polis akan menyiasat siapakah yang bertanggungjawab. Inilah satu tindakan Kementerian Kesihatan mengambil dengan keras.

**Tuan V. David:** Terima kasih kepada Menteri Kesihatan. Bolehkah Menteri melantik satu Commission of Inquiry, siasat perkara itu siapa yang salah, sebab bila hospital buat salah orang yang boleh hidup tidak boleh hidup lagi, boleh meninggal, itu yang mustahak. Doktor bukan beri treatment kepada binatang, dia beri treatment kepada manusia. Fasal itu perkara ini telah menjadi satu soal yang besar dalam Pulau Pinang. Saya minta Yang Berhormat Menteri melantik satu Commission of Inquiry, siasat dengan secukup-cukup beri rakyat ada confidence atas Kementerian Kesihatan.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sedar perbuatan kejadian itu ialah satu kejadian yang merbahaya, oleh kerana itulah Kerajaan membuat satu keputusan untuk dilapurkan kejadian itu kepada pihak Polis. Jadi, sekarang terpulang balik kepada Polis untuk menyiasat siapa yang salah itu akan ambil tindakan mahkamah untuk membuat satu hukuman yang keras.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak:** Soalan tambahan, Tuan Yang di Pertua. Nyawa di tangan Tuhan; orang Islam percaya. Seorang Melayu telah mati dilanggar oleh lori di Petaling Jaya dan dibawa ke Universiti Hospital. Daripada pagi sampai ke petang, dan sampai ke malam, bukan sebab orang Melayu, orang Islam tidak belah, tetapi dipaksa mesti juga belah. Jadi satu hari tidak dapat dibelah, sebab doktor yang ini kata doktor itu, doktor itu kata doktor ini, akhirnya tidak dapat dibelah. Jadi bolehkah Menteri yang bertanggungjawab berjanji, iaitu kalaulah satu-satu mayat orang Islam atau sesiapa pun daripada pagi sampai petang bolehkah sesiapa doktor datang belah perutnya, kemudian dihantar balik ke rumahnya. Bolehkah atau tidak dibuat begitu?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, perkara itu barangkali ialah berlaku, akan tetapi Pegawai Perubatan di hospital itu memanglah ada arah kepada mana-mana pegawai itu boleh membelah ke atas orang yang mati itu. Jadi ini sebenarnya Universiti Hospital itu bukanlah di bawah Kementerian Kesihatan, akan tetapi saya cuma boleh memberitahu kepada pihak yang berkenaan tentang satu kejadian yang sudah berlaku.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Betulkah atau tidak bahawa satu cadangan yang dibuat oleh Menteri yang berkenaan ini berhubung hendak membuat satu sistem satu wad sahaja hospital di seluruh Malaysia ini, tetapi telah dibatalkan dengan sebab Yang Berhormat Menteri ini baharu balik dari Eropah, atau England?

**Tuan Yang di Pertua:** Itu soalan lain.

**Awang Bungsu bin Abdullah:** Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan memberi pertimbangan ambulan-ambulan di hospital-hospital yang belum ada?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, saya cukup terperanjat, semua hospital ada ambulan—semua ada, bukan Hospital Daerah sahaja yang ada ambulan, Mental Hospital pun ada ambulan.

**Awang Bungsu bin Abdullah:** Tuan Yang di Pertua, memang sudah berlaku, di Bahagian Kelima belum ada, oleh kerana perkara ini berlaku di antara pukul 2 atau 3 malam, maka tidak ada orang hendak menghantar, oleh kerana tidak ada kereta sakit di dalam hospital itu.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, saya tidak percaya langsung.

**Awang Bungsu bin Abdullah:** Kalau Yang Berhormat Menteri datang, bolehlah melawat dalam Bahagian Kelima.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Pada masa yang akan datang, saya akan melawat Sarawak, sungguhpun bulan yang lalu saya ada melawat di Sarawak.

**Awang Bungsu bin Abdullah:** Tuan Yang di Pertua, saya berasa dukacita bahawa Yang Berhormat Menteri telah melawat di Sarawak sahaja, tetapi tidak datang ke Bahagian Kelima.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, masanya tidak mengizinkan saya untuk melawat semua Bahagian di dalam Sarawak, akan tetapi pada masa yang akan datang, saya akan pergi melawat.

**Tuan Haji Shafie bin Abdullah:** Tuan Yang di Pertua, kejadian selalu berlaku di rumah-rumah sakit di dalam daerah-daerah iaitu seseorang yang sakit tenat di kampung-kampung yang telah dibawa oleh Polis di Raja dan kadang-kadang dibawa oleh pihak ambulan daripada rumah sakit manakala dimaklumkan kepada pihak rumah sakit, tetapi manakala sisakit itu menghadapi maut di rumah sakit, maka mayat itu ditinggalkan di rumah sakit dengan tidak dihantarkan kembali di rumah sisakit atau simati itu.

Tuan Yang di Pertua, saya ingin hendak tahu, tidakkah dapat pihak rumah sakit atau pun Kementerian Kesihatan menghantarkan balik dengan kereta ambulan yang kadang-kadangnya terletak begitu sahaja tidak digunakan, kalau diminta pertolongan mereka katakan, ini bukan peraturan hendak menghantarkan orang-orang mati kembali ke rumah masing-masing; terkadang-kadang orang-orang di luar bandar itu miskin, tidak ada wang untuk membawakan mayat, kereta-kereta teksi pun tidak mahu bawa mayat, sebabnya dikatakan sebagai sial. Bolehkah saya mengesyorkan kepada Kementerian mengadakan satu tabung kebajikan meminta kerjasama dengan Kementerian Kebajikan Am mengadakan tabung khas untuk mengadakan sedikit wang mengadakan kenderaan menghantarkan mayat-mayat yang kadang-kadang dua tiga hari disimpan di rumah sakit di dalam operation room tidak dibawa balik oleh waris-warisnya terutama sekali orang Islam. Saya biasa membawa orang sakit yang telah busuk manakala telah diberitahu saya lewat daripada 48 jam, kejadian ini benar, barangkali Menteri tidak tahu.

**Tuan Yang di Pertua:** Jadi ini soalankah, cadangankah atau apa? (*Ketawa*).

**Tuan Haji Shafie bin Abdullah:** Ini soalan dan juga cadangan. (*Ketawa*).

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, kemudahan-kemudahan pengangkutan ada disediakan di tiap-tiap hospital. Jika ada seseorang yang telah mati di hospital mayat itu boleh diminta oleh saudara yang mati itu, memang hospital-hospital boleh menghantar mayat itu balik ke rumah orang yang mati itu. Jikalau di tempat itu kemudahan tidak ada, maka Polis boleh dihubungi, kereta Polis boleh digunakan, jadi tidak payahlah kita menubuhkan satu tabung lagi. Yang sebenarnya kemudahan telah disediakan di semua kawasan atau hospital yang berkenaan.

**Tuan Haji Shafie bin Abdullah:** Tuan Yang di Pertua, saya ingat barangkali itu jawapan Menteri sahaja, tetapi tidak dilaksanakan di rumah-rumah sakit.

**Tuan Yang di Pertua:** Saya suka hendak mendengar apa soalan tambahannya?

**Tuan Haji Shafie bin Abdullah:** Saya minta kalau dapatlah Menteri itu menghantarkan arahan sebagaimana yang disebutkan tadi kepada pehak-pehak rumah sakit atau pun kepada doktor-doktor yang menjaga dalam daerah-daerah untuk mengatasi perkara kesulitan itu.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Kementerian Kesihatan memang ada membincangkan masaalah-masaalah dari semasa kesemasa, dan kesulitan itu akan diatasi, jikalau ada.

**Tuan V. Veerappen:** Adakah Kementerian Kesihatan sedar iaitu ambulan-ambulan ini selalu digunakan oleh doktor-doktor dan nurse-nurse untuk balik ke rumah atau dari rumah ke hospital, dan oleh sebab itu, orang sakit atau pun orang yang sudah cedera tidak dapat menggunakan ambulan-ambulan itu dengan cepat, dan bolehkah Menteri mengambil tindakan atas perkara ini?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, barangkali ambulan itu dipakai oleh doktor atau kakitangan hospital, kerana ada satu-satu tugas yang cepat bagi orang sakit dan bagaimana doktor dan juga kakitangan hospital itu boleh menggunakan ambulan itu bukan cuma untuk itu sahaja bagi membawa orang sakit, akan tetapi barangkali pada masa itu ada pesakit di dalam ambulan itu.

**Tuan V. Veerappen:** Tuan Yang di Pertua, adakah Menteri sedar iaitu ambulan ini hendaklah digunakan untuk orang sakit bukan untuk doktor mahu jalan dan nurse-nurse bolehkah diberhentikan perkara ini? (*Ketawa*).

**Tuan Yang di Pertua:** Tetapi sudah dijawab tadi, barangkali orang sakit ada orang sakit dalam ambulan itu (*Ketawa*).

**Tuan V. Veerappen:** Tetapi, Tuan Yang di Pertua, ini tidak ada benar fasal ada orang sakit itu bukan ada doktor pergi sampai ke hospital (*Ketawa*).

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, ini adalah pandangan dari Ahli Yang Berhormat dari kawasan Seberang Selatan.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di Pertua, mengapakah Kementerian Kesihatan tidak menyediakan sebuah wad khas di Rumah Sakit Besar, Kuala Lumpur ini bagi orang-orang yang datang penyakit yang mengejut seperti penyakit taun atau penyakit cacar. Perkara ini telah berlaku. Dalam Mesyuarat Parlimen yang lepas, saya telah kena sakit perut (*Ketawa*) pukul 3 malam dan bagi pihak rumah tumpangan hotel itu, telah menghantar saya ke rumah sakit dan ditakuti saya kena penyakit taun kerana saya telah buang air sebanyak 8 kali dan muntah 2 kali. Apakala saya sampai ke rumah sakit, saya telah dimasukkan ke dalam satu wad. Seorang nurse dan seorang pembantu nurse, sisakit di dalamnya seorang Cina, seorang India dan saya seorang Melayu, saya jauh hati menengok rumah sakit itu lalangnya di sekelilingnya had lutut, tilamnya yang saya dapat saya hendak tidur itu diambil oleh nurse itu daripada luar bertabur-tabur getah dunlopillonya itu, bantalnya hitam, lampu letriknya tidak terang 40 watt, maka saya bertanya dengan dia, tidakkah boleh saya dimasukkan ke wad yang lebih baik sedikit? Maka jawabnya . . . . . .

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Apa soalan tambahannya?

**Tuan Yang di Pertua:** Itulah saya hendak tunggu, dia baharu bertanya, soal hospital ini belum sampai kepada soalan tambahan lagi. (*Ketawa*).

**Tuan Hashim bin Gera:** Kata nurse itu, awak tidak boleh masuk wad lain, kerana wad ini dikhaskan untuk orang yang disyaki sakit taun, maka saya dapati wad itu ialah wad yang sudah ditinggalkan selama 8 bulan, wad kanak-kanak (*Ketawa*). Maka saya tidurlah di atas dunlopillo yang sudah hancur dan diberi lapik bantal yang tidak senonoh hitam . . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Terpaksa saya minta. . . . . . . .

**Tuan Hashim bin Gera:** Bolehkah Menteri Kesihatan yang ke hadapan ini menyediakan sebuah wad yang bersih mengikut peraturan kesihatan untuk orang yang kena penyakit dengan mengejut dimasukkan ke sana, jangan macam yang telah terjadi kepada diri saya?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, semua wad-wad di Hospital Daerah adalah cukup bersih, tetapi bukan untuk mengadakan sebuah wad yang cukup bersih untuk Ahli Yang Berhormat sahaja.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, saya minta izin untuk membaca satu aduan yang pendek berkenaan dengan hospital.

**Tuan Yang di Pertua:** Saya tidak kira sama ada pendek atau pun panjang, tetapi yang berkenaan dengan soalan ini.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, saya bacakan:

"On 11th July, 1972 at Tanjong Malim Hospital four babies were delivered and all the four babies died. One of them was delivered in the lavatory. Whilst the mother was in labour pain, she managed to go to the bathroom. Police has now charged her for wilfully killing the child. It would appear that the hospital staff in the labour wards did not take proper care."

Adakah Yang Berhormat Menteri Kesihatan sedar di atas perkara ini atau pun tidak?

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Tuan Yang di Pertua, soalan itu bolehlah disampaikan kepada saya untuk disiasat. Jikalau ada satu kejadian yang betul, Kementerian saya akan mengambil tindakan. Jangan pula dibuat apa-apa percakapan kosong di sini.

**Tuan V. David:** Saya boleh memberi penerangan di atas perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Terima kasih, Tuan Yang di Pertua.

## WARGANEGARA-WARGANEGARA MALAYSIA DI SINGAPURA—STATISTIK

9. **Tuan Peter Paul Dason** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sebab-sebab terdapat lebih dari 40,000 rakyat Malaysia bekerja di Singapura dan juga sebab-sebab bertambahnya angka-angka ini sejak operasi "Swap" yang gagal itu pada hal Kerajaan Malaysia menuntut bahawa hanya terdapat lebihkurang 15,000 rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di Pertua, oleh kerana warganegara-warganegara Malaysia yang bekerja di Singapura telah pergi ke sana secara bersendirian, maka tidaklah boleh ditetapkan statistik yang betul mengenai bilangannya.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat supaya rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura, yang kebanyakannya terdiri daripada pekerja-pekerja yang mahir dapat pulang kembali ke negeri kita ini dan diberi pekerjaan yang memuaskan kepada mereka?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di Pertua, warganegara-warganegara Malaysia yang pergi ke Singapura pergi dengan sementara. Apabila mereka mendapat pekerjaan di Malaysia, mereka akan balik.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di Pertua, maksud saya ialah tentang usaha-usaha yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya membolehkan orang-orang yang tersebut bekerja di sini, kerana kita sayang kepada mereka, dengan sebab mereka kebanyakannya terdiri daripada pekerja-pekerja yang mahir dalam beberapa bidang. Apakah usaha-usaha itu dijalankan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di Pertua, jikalau orang-orang ini ada mendaftarkan nama mereka di Pejabat-pejabat Pekerjaan dan jikalau didapati ada kerja-kerja kosong, kita akan menghantar mereka kepada majikan-majikan yang berkenaan.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan Singapura mengatakan bahawa warganegara Malaysia yang ada bekerja di Singapura ialah seramai 60,000. Saya pun terperanjat apabila mendengar kenyataan Yang Berhormat Menteri Buruh yang mengatakan kita tidak ada mempunyai apa-apa daftar tentang berapa orangkah warganegara Malaysia yang ada bekerja di Singapura. Tetapi kalau 60,000 orang ini balik ke Malaysia, adakah Kerajaan Perikatan boleh memberikan pekerjaan kepada mereka?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di Pertua, kita memberi pekerjaan kepada sesiapa pun warganegara kita, samada mereka yang bekerja di Singapura atau pun

di lain-lain tempat. Apabila mereka meminta pekerjaan, kita akan timbangkan.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di Pertua, ada orang yang mendaftarkan nama mereka di Pejabat Buruh selama tiga atau pun empat tahun, tetapi tidak mendapat pekerjaan, oleh itu mereka-mereka pun pergi ke lain-lain tempat untuk mencari pekerjaan, tetapi oleh kerana Kerajaan tidak boleh memberi jaminan kepada orang-orang ini, mereka telah pergi ke Singapura. Jikalau Kerajaan boleh memberi jaminan, akan memberi pekerjaan kepada semua orang, semua orang yang ada di Singapura boleh kembali. Adakah Kerajaan boleh memberi jaminan?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sedar ada 168,997 orang yang mendaftarkan nama untuk mencari pekerjaan di Pejabat-pejabat Pekerjaan, tetapi Kerajaan juga ada mempunyai langkah-langkah mendapatkan pekerjaan kepada orang-orang ini. Tetapi jikalau ada orang-orang yang hendak bekerja dengan cara sementara di Singapura atau pun di lain-lain tempat dengan sendiri, itu terpulanglah kepada mereka.

**Tuan V. David:** Bukan mereka pergi ke Singapura untuk sesuka hati, atau pun pergi ke Manila untuk makan angin. Orang yang berkeluarga, yang telah mendaftarkan nama mereka di Pejabat Pendaftaran selama tiga atau pun empat tahun dan setelah tidak mendapat pekerjaan, sebab itulah mereka berhijrah ke sana; adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk memberi pekerjaan kepada orang-orang yang mencari pekerjaan. Kerajaan mesti mahu menerima mereka dan oleh kerana Kerajaan tidak boleh memberi pekerjaan kepada mereka, sebab itulah mereka pergi. Bolehkah Kerajaan memberi jaminan kepada orang ini semua yang Kerajaan boleh memberi pekerjaan kepada mereka kalau mereka balik ke tanahair kita?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di Pertua, saya telah pun menerangkan di atas perkara ini terhadap soalan Ahli Yang Berhormat dan soalan-soalan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Jadi, Kerajaan ada membuat dengan seberapa yang boleh mengadakan pekerjaan kepada pemuda-pemuda kita dan juga orang-orang yang mencari pekerjaan. Selain daripada itu, saya pun tidak boleh hendak menerangkan lagi.

**Tuan Haji Ahmad bin Sa'id:** Tuan Yang di Pertua, soalan tambahan. Adakah warganegara Singapura yang bekerja di Malaysia ini, jika ada, berapa ramaikah warganegara Singapura yang bekerja di Malaysia ini?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di Pertua, soalan yang pertama; ada. Manakala soalan yang kedua, saya minta notis.

**Tuan Hashim bin Gera:** Tuan Yang di Pertua, adakah Kementerian Buruh tahu bahawa buruh Malaysia yang pergi ke Singapura itu disebabkan di sana gaji buruhnya tinggi daripada di Malaysia? Apakah langkah yang akan diambil oleh Yang Berhormat Menteri Buruh kepada kilang kita supaya menaikkan gaji buruh seimbang dengan tenaga yang diberikannya?

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di Pertua, perkara ini telah saya terangkan. Kita tahu yang kita ada mempunyai buruh yang lebih dan apa yang kita kehendaki pada masa sekarang ialah lebih indastri yang boleh menggunakan pekerja-pekerja ini.

**Tuan Yang di Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan-jawapan Lisan bagi Pertanyaan-pertanyaan No. 10 hingga 39 adalah diberi di bawah ini).*

## KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA—KEMAJUAN DICAPAI

**10. Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan kemajuan yang telah dibuat oleh Kementerian beliau sejak ia ditubuhkan.

**Menteri Perpaduan Negara (Tun V. T. Sambanthan):** Kementerian Perpaduan Negara telah dibentuk pada permulaan tahun ini dengan mencantumkan Jabatan Perpaduan Negara dan Pejabat Muhibbah Negara. Semenjak dari itu kegiatan-kegiatan kedua-dua Jabatan ini terletak di bawah pimpinan yang disatukan dan matalamat-matalamat telah dapat diterangkan dengan lebih jelas iaitu menuju ke arah perpaduan.

Di dalam beberapa bulan yang lalu selain daripada kesukaran dari segi kakitangan, termasuk mendapatkan pegawai-pegawai yang berkelayakan untuk menjalankan kegiatan-kegiatan penyelidikan, Kementerian telah mengadakan beberapa majlis dailog dengan beberapa kumpulan masyarakat untuk mempastikan pemikiran rakyat dari semasa ke semasa. Majlis-majlis dailog ini tidak dihebahkan kerana ianya merupakan perjumpaan sulit di mana perbincangan dari hati ke hati telah diadakan. Kementerian ini kemudian menilai rancangan-rancangannya berasaskan kepada maklumat-maklumat yang diterima. Berdasarkan kepada penilaian ini, satu perubahan penting yang sedang kami mulakan sekarang ialah menyusun semula Bahagian Muhibbah untuk dijadikan satu Bahagian yang lebih positif kerana ketika ini didapati Jawatankuasa-jawatankuasa Muhibbah lebih berbentuk pertubuhan menyelesaikan masaalah sahaja (fire brigade organisation) yang berguna ketika ada kekacauan, tetapi fungsinya adalah terhad.

Oleh kerana itu adalah dirasakan satu rancangan yang sesuai patut diadakan supaya kegiatan-kegiatan akan lebih berdasarkan kepada penyertaan di dalam kehidupan masyarakat dan pembangunan negara dan seterusnya melahirkan masyarakat yang responsif terhadap matlamat-matalamat negara. Ini nyata merupakan satu langkah yang positif untuk menghadapi masaalah-masaalah masyarakat seluruhnya.

Dengan yang demikian kita akan melihat pembentukan Bahagian Perhubungan Masyarakat, satu nama baru Bahagian Muhibbah, yang akan menjalankan fungsi-fungsi yang lebih dinamis, lebih penting dan lebih meluas sehingga ke akar umbi masyarakat (grass-root level).

Satu aspek pemikiran baru yang kami lahirkan menerusi rancangan-rancangan Kerajaan adalah umpamanya berhubung dengan perayaan Hari Kebangsaan di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya di mana kalangan ibubapa dan masyarakat seluruhnya menyertai berbagai-bagai kegiatan sukan di kawasan-kawasan yang maju dan mundur. Tumpuan pemikiran dan rancangan Kementerian saya ialah untuk melibatkan penyertaan masyarakat diberbagai-bagai kegiatan kita.

Pencapaian perpaduan negara adalah merupakan satu tanggungjawab yang amat besar dan memerlukan hasrat bersama dari seluruh masyarakat. Di dalam pencapaian ini adalah mustahak di pihak Kerajaan sendiri setiap masa menekankan pencapaian perpaduan negara—satu tekanan yang jelas dilahirkan di dalam Rancangan Malaysia Kedua. Oleh kerana itu Kementerian Perpaduan Negara menjadi ahli di dalam berbagai jawatankuasa-jawatankuasa termasuk memeriksa anggaran-anggaran perbelanjaan untuk menekankan peri mustahaknya perpaduan di dalam perancangan dan pelaksanaan rancangan-rancangan Kerajaan.

Saya nyatakan terdahulu dari ini bahawa kami mengadakan majlis-majlis dailog. Ini merupakan satu proses yang terus menerus.

Di samping ini Kementerian juga terlibat di dalam mentadbirkan Kelas Perpaduan Rakyat. Kelas Perpaduan Rakyat ini merupakan satu alat yang penting bagi Kementerian ini kerana ianya memberi peluang pelajaran di dalam Bahasa Malaysia dan ini adalah mustahak kerana ia membolehkan rakyat berhubung antara satu dengan lain menerusi satu bahasa yang di fahami semua. Kebolehan menggunakan satu bahasa memberikan peluang untuk memahami satu sama lain dan melahirkan tali persaudaraan.

Pada masa ini 65,000 penuntut mengambil bahagian di dalam Kelas-kelas ini dan adalah diharapkan Kelas-kelas ini akan bertambah kelak.

Di samping kelas-kelas ini terdapat juga "Balai Muhibbah" yang diterbitkan dalam tiga bahasa dan sebanyak 20,500 naskah dikeluarkan pada tiap-tiap kali penerbitan. Majalah ini memberi peluang khasnya kepada pelajar-pelajar Kelas Perpaduan Rakyat untuk menambah pengetahuan mereka terhadap Bahasa.

Pada masa ini terdapat juga rancangan Kuiz Perpaduan di T.V. Malaysia yang dikeluarkan dengan kerjasama Kementerian Penerangan dan peserta-peserta rancangan ini adalah dipilih daripada pelajar-pelajar Kelas Perpaduan Rakyat. Tujuan rancangan ini ialah untuk memperluaskan dan mempopularkan penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan masyarakat bukan Melayu.

Saya sudah sebutkan tadi bahawa majlis-majlis dailog diadakan terus menerus. Ini

adalah merupakan sebahagian dari kegiatan penyelidikan Kementerian ini. Bahagian Penyelidikan Kementerian ini sedang menjalankan penyelidikan mengenai beberapa aspek masyarakat Malaysia dengan tujuan untuk menyediakan panduan-panduan dan penyelesaian-penyelesaian terhadap masaalah-masaalah yang dihadapi oleh Negara.

Untuk tujuan menolong berbagai keturunan kaum memahami antara satu dengan lain Kementerian ini sedang dalam proses mengumpulkan bahan-bahan mengenai adat resam dan pantang larang berbagai-bagai keturunan kaum.

Akhirnya saya ingin menekankan bahawa kejayaan Kementerian ini tidak dapat diukur semudah seperti kita mengukur kejayaan dari segi "physical" seperti pembinaan beberapa buah jambatan dan lain-lain. Perpaduan, seperti demokrasi, ialah satu proses, dan matlamat kita adalah untuk mengkaji dan menilai arah perginya (direction) negara ini dari segi mencapai matlamat perpaduan negara. Menghapuskan masaalah yang menghalang pencapaian matlamat ini, dan melahirkan idea-idea (ideas) yang akan mengwujudkan muhibbah dan persefahaman adalah tanggungjawab Kementerian ini.

Kita mengamalkan fahaman demokrasi dan dengan itu adalah mustahak bahawa dalam pencapaian perpaduan setiap orang berusaha menuju ke arah matalamat ini. Ini bukanlah semata-semata tanggungjawab Perdana Menteri atau Menteri Perpaduan Negara atau Kementerian atau Jabatan-jabatan di bawahnya atau Kementerian-Kementerian/Jabatan-jabatan Kerajaan saja, tetapi adalah juga tanggungjawab rakyat, pertubuhan-pertubuhan dan ini termasuklah parti-parti politik bersama-sama memikul tanggungjawab ini.

Saya suka menegaskan kepada rakan-rakan seperjuangan saya, ahli-ahli politik sekalian, bahawa dengan sebab satu patah perkataan, usaha berbulan-bulan dan bertahun-tahun untuk membina muhibbah mungkin musnah begitu sahaja. Adakah ini yang kita kehendaki? Oleh itu saya ingin menyeru kepada semua yang ada di sini untuk bekerjasama dengan Kementerian Perpaduan Negara. Pegawai-pegawai Kementerian dan saya sendiri berdedikasi (dedicated) untuk mencapai matlamat ini dan saya akan berterima kasih sekiranya setiap rakyat memberikan sokongan masing-masing di dalam tugas yang maha penting ini.

## FERI MALAYSIA—SUMATRA—PERKHIDMATAN

**11. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Perhubungan menyatakan:

(*a*) bila perkhidmatan feri di antara Malaysia dengan Sumatra akan dimulakan;

(*b*) samada perjanjiannya sudah di tandatangani;

(*c*) berapa jumlah perbelanjaan projek ini;

(*d*) nama bank yang memberikan pinjaman wang kerana projek ini;

(*e*) pelabuhan-pelabuhan yang akan disinggahi oleh feri ini; dan

(*f*) berapa muatan feri itu.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):**

(*a*) Feri antara Pulau Pinang-Belawan mengguna kapal biasa telah berjalan semenjak tahun 1970 antara dua dan tiga kali seminggu dengan kebolehan membawa 150 orang penumpang dan 200 tan barang-barang termasuk kereta. Kapal feri ini beratnya 1,200 d.w.t. dan kepunyaan pihak Indonesia. Usaha yang dijalankan oleh Kementerian ini bagi pihak Kerajaan Malaysia ialah supaya kedua-dua buah Kerajaan Malaysia dan Indonesia mengadakan perkhidmatan feri yang lebih baik dengan mengguna kapal-kapal feri yang lebih moden dan pengkalan-pengkalan khas untuk feri sahaja supaya mengelak daripada kelewatan menurun dan mengambil penumpang-penumpang dan barang-barang. Ini akan mengambil masa kerana memerlukan peruntukan wang yang banyak yang perlu dipinjam daripada luar negeri.

(*b*) Satu Memorandum Persetujuan (Memorandum of Understanding) mengadakan perkhidmatan feri yang moden itu telah ditandatangani antara Malaysia dan Indonesia di Jakarta pada akhir bulan April tahun ini (1972).

(*c*) Jumlah perbelanjaan belum dapat ditentukan lagi kerana perojek ini sekarang masih di dalam penilaian Bank Pembangunan Asia.

(*d*) Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank) telah menunjuk minat hendak meminjamkan wang bagi projek ini. Satu pasukan pakar-pakar Bank ini akan dihantar ke Malaysia dan Indonesia selama dua bulan mulai September tahun ini (1972) untuk mengkaji dan menilai dengan lebih mendalam projek ini sebelum meminjamkan wang.

(*e*) Mengikut kadar banyak lalu lintas perkhidmatan feri moden ini akan mula antara Penang-Belawan dan kemudian Penang-Belawan-Pelabuhan Kelang. Selepas daripada itu Melaka-Dumai dan Port Dickson.

(*f*) Feri yang dicadangkan itu berat-nya 2,300 d.w.t. boleh membawa sehingga 500 orang penumpang.

## KOMPLEKS MEMBUAT BARANG-BARANG DARI GETAH

12. **Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Menteri Perdagangan dan Perindastrian menyatakan samada Kerajaan bercadang sendiri atau dengan secara usaha bersama dengan pelabur-pelabur asing untuk menubuhkan sebuah komplek yang besar bagi membuat barang-barang dari getah seperti tilam-tilam, tayar-tayar, pengangkut-pengangkut panggul dan talisawat untuk dieksepot.

**Menteri Perdagangan dan Perindasterian (Tuan Mohamed Khir Johari):** Kerajaan tidak ada rancangan pada masa ini bagi menubuhkan sebuah kompleks yang besar secara bersendirian atau pun secara usaha bersama bagi membuat barang-barang dari getah untuk diekspot.

Walau bagaimanapun, sudah memang menjadi dasar Kerajaan untuk memajukan dengan cergasnya dan juga memberi galakan-galakan yang positif kepada penubuhan perusahaan-perusahaan yang membuat barang-barang dari getah untuk pasaran ekspot. Selain dari memberi taraf perintis kepada perusahaan-perusahaan ini, berbagai barang-barang yang diperbuat dari getah telah juga diistiharkan sebagai barang-barang keluaran utama atau "priority products" supaya membolehkan projek-projek yang berkenaan mendapat galakan-galakan tambahan. Setakat ini dasar ini telah mengakibatkan enam projek yang membuat barang-barang dari getah untuk pasaran 100% ekspot yang muncul bagi mendapat kelulusan dari Kerajaan. Satu untuk 90% ekspot satu untuk 80% ekspot dan satu untuk 70% ekspot. Projek-projek lain dalam perusahaan ini juga sedang diperundingkan dan di jangka akan diselesaikan tidak berapa lama lagi.

Kerajaan akan terus melaksanakan dasarnya bagi menganjurkan dengan cergasnya penubuhan perusahaan-perusahaan membuat barang-barang dari getah bagi pasaran ekspot, dengan memberi galakan-galakan dan juga bantuan yang perlu bagi penubuhan projek-projek serupa ini.

## PEPERIKSAAN S.R.P. DAN S.P.M.— MENULIS NAMA

13. **Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapakah perlunya calun-calun S.R.P. dan S.P.M. menulis nama-nama mereka di kertas-kertas peperiksaan mereka, pada hal di peperiksaan yang dijalankan dahulu, calun-calun hanya menulis nombor angka giliran mereka sahaja; dan menyatakan samada Kementeriannya akan mengembalikan sistem lama yang tidak berkehendakkan calun-calun menulis nama-nama mereka untuk mengelakkan sebarang syakwasangka.

**Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Datuk Onn):** Peperiksaan L.C.E. telah dimulakan pada tahun 1957 dan calun-calun telah diminta menulis nama-nama mereka di atas kertas-kertas jawapan mengikut kelaziman peperiksaan. Tetapi pada tahun 1968 keadaan ini telah diulangkaji dan bermula pada tahun 1968 itu juga calun-calun yang mengambil peperiksaan S.R.P./L.C.E. tidak lagi dikehendaki menulis nama-nama mereka di atas kertas jawapan masing-masing. Tetapi sebagai ganti, mereka dikehendaki menulis nombor Kad Pengenalan mereka di ruangan yang dikhaskan untuk nama mereka.

Perubahan untuk S.R.P./L.C.E. ini mudah dibuat oleh kerana peperiksaan ini ialah peperiksaan kita sendiri tetapi Peperiksaan S.P.M./M.C.E. ialah Peperiksaan Cambridge dan apa-apa perubahan yang perlu dibuat

hendaklah dengan persetujuan Cambridge. Atas dasar ini maka Kementerian Pelajaran telah beberapa kali berhubung dengan Cambridge untuk menghapuskan penulisan nama di atas kertas-kertas jawapan. Tetapi Cambridge telah beberapa kali tidak bersetuju oleh kerana mengikut pengalaman Cambridge, kerapkali Cambridge terpaksa membuat beberapa rujukan kerana kekeliruan yang lahir dari penulisan bilangan firasat yang tidak sama kerana calun-calun sendiri membuat kesilapan dalam menulis bilangan firasat mereka. Apabila kesilapan seperti ini lahir maka Cambridge memerlukan rujukan kepada nama. Rujukan akan memakan masa yang panjang dan akan melambatkan langkah-langkah untuk memperoseskan keputusan-keputusan peperiksaan sekiranya Cambridge tidak mempunyai nama calun-calun dan terpaksa pula membuat rujukan ke Malaysia yang letaknya 8,000 batu jauhnya dari Cambridge.

Tetapi bermula pada tahun ini kita telah mengambil aleh Peperiksaan S.P.M. dari Cambridge dan oleh kerana peperiksaan ini telah menjadi peperiksaan kita sendiri, maka kita boleh membuat perubahan tanpa rundingan dengan Cambridge. Oleh itu bermula pada tahun 1972 ini nama-nama tidak diperlukan lagi untuk kertas-kertas jawapan bagi peperiksaan S.P.M. Di samping itu Kementerian Pelajaran kini sedang berunding lagi dengan Cambridge untuk mendapatkan persetujuan agar nama-nama tidak juga diperlukan untuk kertas-kertas M.C.E., jika boleh, bermula pada tahun 1972 ini juga. Sekiranya Cambridge tidak bersetuju untuk menghapuskan nama calun atas kertas-kertas jawapan bagi Peperiksaan M.C.E. yang masih dikendalikan dengan Cambridge itu maka masaalah ini akan dapat diselesaikan dengan sendirinya apabila kita mengambil alih peperiksaan M.C.E. ini nanti.

## UNIVERSITI-UNIVERSITI INDONESIA—PENGIKTIRAFAN IJAZAH-IJAZAH

**14. Dr S. Seeveratnam** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(i) bilangan universiti-universiti Indonesia yang telah diiktirafkan ijazah-ijazah dan kelulusan mereka oleh Malaysia; dan

(ii) bilangan universiti-universiti Indonesia yang sedang dinilaikan oleh Kementerian Pelajaran ijazah dan kelulusannya dengan tujuan mengiktirafkannya.

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:**

(i) Bilangan universiti-universiti di Indonesia yang telah diiktiraf ijazah-ijazah dan kelulusan-kelulusan mereka ialah 8 buah kesemuanya.

Universiti-Universiti dan ijazah-ijazah yang telah diakui adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| (1) Universiti Gajah Mada | Kejuruteraan Awam<br>Kejuruteraan Jentera<br>Kejuruteraan Teknik<br>Sains<br>Perikanan<br>Pertanian<br>Perternakan<br>Sains Haiwan<br>Pergigian |
| (2) Universiti Airlangga, Surabaya | Perubatan<br>Pergigian |
| (3) Universiti Indonesia | Perubatan<br>Pergigian |
| (4) Universiti Pedjadjaran, Bandong | Pergigian |
| (5) Universiti Sumatra, Utara Medan | Pergigian |
| (6) Institiut Teknoloji Bandong | Kejuruteraan Awam<br>Kejuruteraan Jentera<br>Kejuruteraan Teknik<br>Perubatan<br>Sains<br>Perikanan |
| (7) Institut Perikanan, Bogor | Perikanan |
| (8) Institiut Pertanian, Bogor | Pertanian<br>Perternakan<br>Sains Haiwan |

Perlu diingat bahawa bukan semua ijazah atau kelulusan yang dikeluarkan oleh sesebuah universiti itu diiktiraf. Ada kalanya daripada sesebuah universiti itu kelayakan-kelayakan di dalam beberapa jurusan yang tertentu sahaja yang diiktiraf.

(ii) Sebenarnya penilaian kelayakan-kelayakan luar negeri bukanlah dilakukan oleh Kementerian saya, tetapi oleh sebuah jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Jemaah Mentri yang digelar Jawatankuasa Tetap Pengiktirafan Kelayakan-kelayakan Asing.

Jawatankuasa Tetap ini bertugas menilai kelayakan-kelayakan yang diperolehi oleh warganegara Malaysia daripada pusat-pusat pengajian tinggi di luar negeri.

Jawatankuasa Tetap ini sedang menilai kelayakan-kelayakan lain yang belum diiktiraf daripada 8 buah Pusat-pusat Pengajian Tinggi di Indonesia yang saya sebutkan di atas. Selain daripada itu Jawatankuasa Tetap ini juga sedang menilai kelayakan-kelayakan yang dikeluarkan oleh 3 buah Pusat Pengajian Tinggi yang lain di Indonesia yang setakat ini belum diiktiraf lagi.

## DERMAGA DI TELOK ANSON—PENGGUNAAN

**15. Tuan Chan Fu King** minta Menteri Perhubungan menyatakan samada beliau sedar bahawa dermaga di Telok Anson telah runtuh, dan tidak boleh digunakan lagi, dan nyatakan samada apa-apa rancangan yang segera untuk membina dermaga yang baru untuk Telok Anson bagi melindungi perdagangan tradisional di kawasan itu.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Dermaga yang dimaksudkan itu adalah kepunyaan Kerajaan Negeri Perak. Oleh itu perkara ini patut dikemukakan kepada Kerajaan Negeri.

## PELAJARAN PERKARA WAJIB—MENGADAKAN UNDANG-UNDANG

**16. Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau akan mengadakan undang-undang membuat pelajaran sebagai satu perkara yang wajib di negara ini.

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:** Undang-undang seumpama ini memang telah ada. Berkenaan dengan pelajaran rendah menurut Seksyen 22 (*a*) Akta Pelajaran 1961:

"22. The Yang di Pertuan Agong may, where he is satisfied that sufficient places exist in national primary schools or national-type primary schools in the Federation or any part thereof, make regulations providing for:

(*a*) the introduction and enforcement of compulsory free primary education in the Federation or in such part thereof as may be specified by the regulation."

Peraturan mengenai perkara ini belum lagi dibuat oleh kerana jumlah kanak-kanak yang berumur enam tahun ke atas yang patut bersekolah dan yang mendaftarkan diri mereka di dalam sekolah-sekolah adalah kira-kira 95%. Mengenai perkara wajib belajar bagi murid-murid di sekolah menengah, undang-undang ini tidak ada.

## JURURAWAT-JURURAWAT MALAYSIA DI LUAR NEGERI MENGAMBIL BALIK

**17. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

(*a*) bagaimana kejayaan lawatan beliau ke England baru-baru ini untuk memujuk jururawat-jururawat Malaysia kembali berkhidmat di tanah air; dan

(*b*) berapa banyakkah wang yang Kementeriannya telah belanjakan dalam rancangannya untuk memujuk jururawat-jururawat Malaysia di luar negeri supaya kembali.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew):**

(*a*) Soalan ini sama seperti soalan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban Timor pada 8-8-72, Ahli Yang Berhormat dari Seremban Barat pada 9-8-72 dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor pada 16-8-72 yang mana sudah saya berikan jawapannya.

(*b*) Jumlah wang yang dibelanjakan mengenai lawatan Ketua Penyelia Jururawat ke United Kingdom untuk memanggil balik jururawat-jururawat Malaysia di sana ialah $4,298.

## JURURAWAT-JURURAWAT MALAYSIA DI LUAR NEGERI—MENUBUHKAN SURUHANJAYA

**18. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementeriannya akan menimbang menubuhkan

sebuah Suruhanjaya Penyiasat yang bebas untuk memeriksa sedalam-dalamnya sebab-sebab jururawat-jururawat Malaysia di luar negeri tidak mahu berkhidmat di hospital-hospital tempatan.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Kementerian Kesihatan tidak berhajat hendak menubuhkan sebuah Suruhanjaya Penyiasat yang bebas bagi mengkaji sebab-sebab keengganan jururawat-jururawat Malaysia di luar negeri balik berkhidmat di hospital-hospital tempatan.

### PAKAR-PAKAR KANAN HOSPITAL PULAU PINANG—MENINGGALKAN PERKHIDMATAN

**19. Tuan Loh Jee Mee** minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kementeriannya sedar bahawa beberapa orang pakar yang berpangkat tinggi dari Hospital Besar, Pulau Pinang merancang hendak meninggalkan perkhidmatan Kerajaan dan bersama-sama mengadakan suatu Kelinik Pakar bersendirian, dan jika demikian, sudahkah Menteri membuat kajian ke atas sebab-sebabnya mereka mengambil tindakan-tindakan itu.

**Tan Sri Lee Siok Yew:** Kementerian saya sedar adanya berita-berita angin yang bertiup selama lebih kurang setahun kononnya menyatakan bahawa banyak pakar-pakar kanan di Hospital Besar, Pulau Pinang sedang merancang untuk meninggalkan perkhidmatan Kerajaan. Pegawai-pegawai ini belum pun menyatakan demikian itu dengan resminya.

### GURU-GURU SAINS DAN TEKNOLOJI—MENDAPATKAN

**20. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Pelajaran menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan masih lagi memerlukan 2,000 orang guru-guru Sains dan Teknoloji yang berijazah, apakah langkah-langkah jangka panjang dan jangka pendek yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mendapatkan guru-guru ini supaya pelajaran anak-anak kita tidak akan terjejas.

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:** Kementerian Pelajaran adalah sedar tentang kekurangan guru-guru Sains dan telah mengambil langkah-langkah yang tersusun untuk mengatasi kekurangan ini. Mengenai langkah jangka panjang. Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang berikut:

(*a*) Kementerian Pelajaran telah berusaha untuk membaiki cara mengajar Sains dan Ilmu Hisab melalui pembaharuan isi-isi kandungan dan mengutamakan kerja-kerja praktik serta menggalakkan murid-murid mempelajari Sains secara "inquiry". Untuk mencapai matlamat-matlamat ini, Kementerian telah melaksanakan Kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru mulai tahun 1969. Untuk menarik minat murid-murid ke bidang Sains dan Teknoloji, Kementerian telah memperkenalkan juga mata-mata pelajaran seperti Sains Pertanian dan Seni Perusahaan di sekolah-sekolah.

(*b*) Untuk menampung murid-murid yang besar jumlahnya, Kementerian Pelajaran telah menambah bilangan kelas-kelas Sains di Tingkatan IV, V dan VI. Bilangan murid-murid pun telah ditambah secara ansuran di sekolah-sekolah Vokesyenal dan Teknikal. Selain dari penambahan kelas-kelas, Kementerian sedang membina 10 buah Sekolah Menengah Sains, 10 buah Sekolah Menengah Vokesyenal dan 6 buah Sekolah Menengah Teknik.

Melalui rancangan-rancangan ini adalah diharapkan lebih ramai lagi kanak-kanak sekolah dapat mengikuti pelajaran Sains, Hisab dan Teknik dengan lebih sempurna lagi dan lebih ramai daripada mereka akan dapat melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang ini di pusat-pusat pengajian tinggi.

Untuk menentukan murid-murid yang pendidikannya berasaskan kepada Sains dan Teknoloji dapat melanjutkan pelajarannya, yayasan-yayasan Institut Teknoloji Kebangsaan, Maktab Pertanian Serdang (Universiti Pertanian) dan Universiti Malaya telah menambahkan tempat-tempatnya. Yayasan-yayasan baru seperti Politeknik Ungku Omar, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia telah ditubuh untuk menampung keperluan dalam bidang ini. Di beberapa buah yayasan ini, ijazah-ijazah Sains dengan Pendidikan telah dimulakan dengan tujuan untuk menambah bilangan guru-guru siswazah Sains, Hisab dan Teknoloji. Dengan demikian pengeluaran

guru-guru siswazah Sains, Hisab dan Teknoloji akan dapat dilipat-gandakan pada masa-masa yang akan datang.

Syor-syor Suruhanjaya Aziz yang menentukan syarat-syarat baru untuk guru-guru siswazah telah dilaksanakan. Langkah ini akan menambahkan minat siswazah Sains dan Ilmu Hisab ke Perkhidmatan Pelajaran yang dahulunya telah mencari nafkahnya di kalangan swasta.

Langkah-langkah jangka pendek adalah seperti berikut:

(i) Menawarkan biasiswa Persekutuan kepada penuntut-penuntut dan guru-guru yang sedang berkhidmat untuk mengikuti kursus-kursus Sains dan Hisab di Yayasan-yayasan Pelajaran Tinggi tempatan dan di luar negeri. Umpamanya untuk memenuhi keperluan sekolah-sekolah menengah kebangsaan, penuntut-penuntut telah dihantar ke Indonesia.

(ii) Universiti Malaya telah menambahkan pengambilan Siswazah-siswazah Sains dan Ilmu Hisab ke dalam Fakulti Pendidikan.

(iii) Universiti Sains Malaysia telah mengadakan kursus Ijazah Sains dan Pendidikan.

(iv) Maktab Pertanian Serdang telah mengadakan kursus untuk mengeluarkan siswazah-siswazah di dalam bidang Sains Kaji Hayat dan Kimia.

(v) Institut Teknoloji Kebangsaan telah mengadakan kursus-kursus untuk mengeluarkan siswazah-siswazah di dalam jurusan Fizik, Ilmu Hisab dan Kimia.

(vi) Mulai daripada tahun ini, siswazah-siswazah Sains dan Ilmu Hisab yang tidak mendapat tempat dalam Fakulti Pendidikan Universiti Malaya akan di ambil dan diberikan kursus pendidikan oleh Kementerian Pelajaran sendiri.

(vii) Bantuan tenaga-tenaga pengajar dari luar negeri telah diperolehi seperti guru-guru Sains dan Hisab dari Indonesia dan pasukan sukarelawan Amerika Sharikat.

(viii) Pengambilan calun-calun untuk latihan perguruan diutamakan kepada mereka yang mempunyai kelulusan yang baik di dalam matapelajaran Sains dan Hisab.

## KAMPUNG-KAMPUNG BAHARU—MELUASKAN KAWASAN

**21. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kementerian ini telah mengambil dayausaha untuk meluaskan kawasan tanah kampung baru di Malaysia untuk menampung penduduk-penduduk yang bertambah bilangannya tiap-tiap tahun, jika ya, nyatakan nama-nama kampung baru itu, dan jika tidak, mengapa.

**Menteri Tugas-tugas Khas (Dr Lim Keng Yaik):** Di masa perjumpaan saya dengan Ketua-ketua Kerajaan Negeri saya telah memohon timbangan untuk meluaskan kawasan kampung-kampung baru yang penuhsesak.

Wajar ditegaskan bahawa bukan semua kampung baru itu yang penuh sesak dan ada pula kampung-kampung baru yang mempunyai lot-lot kosong.

## PERMOHONAN TANAH BAGI KEDIAMAN RUMAH

**22. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kementerian ini sudah menasihatkan Pejabat-pejabat Tanah di Malaysia supaya mempercepat dan meluluskan semua permohonan tanah untuk tujuan kediaman di kampung baru, jika ya, berapa banyak yang telah diluluskan dan di mana, jika tidak, mengapa.

**Dr Lim Keng Yaik:** Sukacita saya memperingatkan Ahli Yang Berhormat itu bahawa Pejabat-pejabat Tanah adalah Jabatan-jabatan Negeri yang dikuasai oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan dan dengan sebab itu tidaklah wajar bagi saya untuk menasihatkan mereka secara langsung. Sungguhpun demikian saya telah meminta Kerajaan-kerajaan Negeri supaya mempercepatkan kelulusan permohonan-permohonan tanah bagi tapak rumah kediaman di kampung-kampung baru kepada pemohon-pemohon yang layak dan berhak; dan di dalam pengetahuan saya pihak yang berkuasa Kerajaan-kerajaan Negeri telah pun mengeluarkan arahan kepada Pejabat-pejabat Tanah dan Pejabat-pejabat tersebut sedang menumpukan daya-usaha untuk menyelesaikan permohonan-permohonan yang telah diterima.

**KENIKMATAN KEPADA KAMPUNG BAHARU—MENYEDIAKAN**

**23. Tuan Su Liang Yu** minta Menteri Tugas-tugas Khas menyatakan samada Kementerian ini sudah menyediakan kenikmatan-kenikmatan kepada kampung baru sebagai hasil lawatannya ke kampung baru di Negara ini, jika ya, apakah kenikmatan-kenikmatan itu, dan jika tidak, mengapa.

**Dr Lim Keng Yaik:** Kebanyakan kampung-kampung baru telah diberi kemudahan-kemudahan oleh Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kementerian Teknoloji, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan.

Soal memberi kemudahan-kemudahan baharu atau kemudahan-kemudahan yang belum ada serta memperbaiki kemudahan-kemudahan yang ada akan ditimbangkan.

**JENTERA SECARA INTENSIF—MENGGUNAKAN**

**24. Tuan Pengarah Rahun anak Debak** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan penggunaan jentera secara intensif dalam bidang pertanian di Sarawak supaya dapat menambahkan pengeluaran bagi kos-kos buruh yang lebih rendah serta tenaga-tenaga manusia yang lebih kurang.

**Menteri Pertanian dan Perikanan (Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi):** Oleh sebab keadaan kawasan yang terpencil dan keadaan tanah yang menyusahkan pada keseluruhan-nya penggunaan jentera secara intensif sangat susah di ladang-ladang di dalam sebahagian besar kawasan di Sarawak untuk memberi faedah. Oleh kerana sebilangan besar petani adalah pekebun-pekebun kecil adalah lebih berfaedah pekebun-pekebun kecil ini dikumpulkan untuk diberi bantuan dengan cara yang teratur. Tindakan demikian sedang dijalankan di bawah Rancangan Persatuan Peladang.

**PEKERJA-PEKERJA SWASTA DI PULAU PINANG**

**25. Tuan Tan Cheng Bee** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan samada benar bahawa ramai pekerja-pekerja dalam bahagian swasta di Pulau Pinang telah meninggalkan kerja-kerja mereka dan pergi keluar negeri terutama sekali ke Negeri Brunei dan Pulau Christmas untuk mencari kerja disebabkan mereka dibayar gaji yang rendah oleh majikan-majikan mereka di sini, dan jika ya, adakah pihak Kerajaan akan menimbang mengemukakan Undang-undang bagi menentukan had gaji minima.

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Dari rekod-rekod yang ada di Pejabat Pekerjaan Pulau Pinang, cuma 106 orang sahaja telah dihantar ke Pulau Christmas untuk bekerja dengan British Phosphate Commissioners, Christmas Island dan 2 orang pula dihantar ke Brunei sebagai amah untuk bekerja di Istana Di Raja, Brunei.

Semua mereka yang telah pergi bekerja di kedua-dua tempat ini telah dilapurkan terdiri dari penganggur-penganggur ketika meninggalkan Malaysia. Jadi masaalah mereka itu dibayar dengan gaji yang rendah oleh majikan-majikan di Pulau Pinang tidaklah ada sangkut-pautnya.

Walau bagaimanapun sebuah Unit Penyelidikan Gaji yang baharu ditubuhkan dalam Kementerian saya akan membuat penyelidikan mengenai bentuk gaji di sektor awam dan swasta dalam negeri ini.

**PENUNTUT-PENUNTUT KECICIRAN—PENGANGGURAN**

**26. Tuan Edmund Langgu anak Saga** bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk melegakan keadaan pengangguran di kalangan penuntut-penuntut yang keciciran dari sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sarawak, supaya mereka tidak dapat di pujuk menyertai kumpulan-kumpulan yang tidak diingini dan menjadi sumber-sumber yang menimbulkan masaalah sosial kepada negara.

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Setengah dari langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan adalah seperti berikut:

(*a*) Mendapatkan pekerjaan-pekerjaan atau cara-cara yang sesuai bagi membolehkan murid-murid yang telah tamat pelajaran sekolah rendah untuk meneruskan pelajaran mereka. Setiap

langkah diambil bagi memberikan peluang-peluang kepada murid-murid memasukki sekolah menengah. Kerajaan Sarawak telah mengambil langkah-langkah tertentu untuk menghapuskan peperiksaan kemasukan (Common Entrance Examination) berkuatkuasa mulai tahun ini dan dengan demikian pada tahun 1975 semua murid-murid darjah 6 sekolah-sekolah rendah akan dapat ditawarkan tempat di Sekolah Menengah.

(*b*) Mendapatkan tempat-tempat bagi mereka di sekolah-sekolah Vokesyenal. Setengah dari pemuda-pemuda ini lebih-lebih lagi yang berumur 15 dan 17 tahun adalah menjalani berbagai-bagai kursus yang disusun khas untuk mereka oleh Jabatan Pertanian, Pusat Latihan Peladang dan Institut Peladang-peladang.

(*c*) Penubuhan tambahan Pejabat-pejabat Pekerjaan di Sarawak. Dua Pejabat telah dibuka pada tahun ini, satu di Sibu dan satu lagi di Miri. Ini adalah tambahan kepada Pejabat yang ada di Kuching. Lebih banyak lagi kerja-kerja pemupukan akan dijalankan oleh Pejabat-pejabat Pekerjaan.

(*d*) Tempat-tempat latihan di Pusat Latihan Perusahaan Kuala Lumpur adalah telah ditawarkan dan akan ditawarkan bagi melatih pemuda-pemuda dari Sarawak di dalam berbagai-bagai ketukangan di bawah Kursus Persediaan Ketukangan.

(*e*) Menyediakan "infrastructure" yang perlu oleh Kerajaan untuk mengadakan perkembangan ekonomi yang lebih besar dan memperbanyakkan lagi peluang-peluang pekerjaan di negeri itu.

## AJENSI-AJENSI KERAJAAN—TANPA KEORDINASI

**27. Tuan Haji Ahmad bin Arshad** minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa rakyat luar bandar berasa keliru dan keberatan kerana tidak ada keordinasi di antara setengah-setengah ajensi-ajensi Kerajaan, seperti Persatuan Peladang, Persatuan Nelayan, Syarikat-syarikat Kerjasama dan Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Kebangsaan, jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk menyelesaikan masaalah ini.

**Tan Sri Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi:** Saya adalah sedar bahawa ada berbagai ajensi seperti Persatuan Peladang, Persatuan Nelayan, Syarikat-syarikat Kerjasama dan Persatuan Pekebun-pekebun Kecil Kebangsaan yang menumpukan kegiatan-kegiatan terhadap kemajuan pertanian dan untuk perkhidmatan seluas-luasnya kepada segulungan besar peladang-peladang, nelayan-nelayan dan pekebun-pekebun kecil. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi benar-benar diperlukan oleh nelayan-nelayan, petani-petani dan pekebun-pekebun kecil getah serta lain-lain gulungan peladang. Oleh sebab itu Kerajaan telah mengadakan badan-badan atau ajensi-ajensi yang berasingan untuk menumpukan kerja-kerjanya yang khusus bagi memenohi kepentingan dan gulungan-gulungan peladang yang dimaksudkan. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberi adalah diselaraskan dengan ajensi-ajensi tersebut mengelakkan duplikasi kerjanya masing-masing.

Langkah-langkah sedang pun diambil oleh Kerajaan untuk memberi penerangan seluas-luasnya atas tugas-tugas tiap-tiap ajensi seperti Persatuan Peladang, Syarikat Kerjasama dan setengahnya untuk mengelakkan sebarang kekeliruan dari pihak peladang-peladang. Langkah-langkah juga telah diambil oleh Kementerian saya, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaraskan aktiviti-aktiviti Persatuan Peladang, Syarikat Kerjasama dan Persatuan Nelayan.

## GURU-GURU DI PERAK—SURUHANJAYA AZIZ

**28. Tuan V. Veerappen** minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa kebanyakan guru-guru di Perak belum lagi ditempatkan dalam tanggagaji bersih seperti yang disyorkan oleh Suruhanjaya Aziz dan bilakah tunggakan gaji mereka akan dibayar.

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:** Bilangan guru-guru yang terlibat di Perak ialah 11,510 dan ini adalah satu bilangan yang besar. Di dalam penempatan ke tanggagaji bersih dan pembayaran tunggakan gaji beberapa peraturan tertentu mesti diikuti, umpamanya

menyediakan lapuran perubahan, paysheet, voucher dan sebagainya. Walau bagaimanapun seramai 5,477 orang guru telah dibayar gaji bersih dan tunggakan mereka dan adalah di jangka bakinya akan dibayar sebelum akhir tahun ini.

### MURID-MURID TERHUTANG TUNGGAKAN—LANGKAH-LANGKAH MEMBERHENTIKAN

29. **Tuan V. Veerappen** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak murid-murid di sekolah-sekolah menengah terhutang tunggakan yuran bulanan mereka dan Kementerian memaksa sekolah-sekolah membayar tunggakan ini dari gaji guru-guru dan wang sekolah-sekolah sendiri, dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memberhentikan amalan ini.

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:** Kementerian saya sedar bahawa ramai murid di sekolah-sekolah Menengah Jenis Kebangsaan yang ada terhutang yuran-yuran sekolah. Walaupun demikian adalah tidak benar bahawa Kementerian saya memaksa guru-guru membayar tunggakan itu dari gaji mereka. Sebenarnya, wang yuran itu juga digunakan untuk membayar gaji guru-guru dan apabila terdapat kekurangan-kekurangan dalam kutipan yuran bulanan, guru-guru besar terpaksa menggunakan wang persendirian sekolah untuk menampung pembayaran gaji guru-guru. Perkara ini berlaku apabila murid-murid tidak menjelaskan yuran-yuran mereka pada bulan itu.

### LEMBAGA-LEMBAGA PENGELOLA DAN PENGURUS SEKOLAH-SEKOLAH—TUGAS

30. **Tuan V. Veerappen** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada beliau sedar bahawa banyak Lembaga-lembaga Pengelola dan Pengurus Sekolah-sekolah keliru mengenai kedudukan, kewajipan dan kuasa mereka, dan jika ya, samada beliau akan menjelaskan kedudukan mereka.

**Tuan Hussein bin Datuk Onn:** Saya sedar ada kekeliruan mengenai kedudukan, kewajipan-kewajipan dan kuasa-kuasa Lembaga dan Jemaah Pengurus berbangkit dari perlaksanaan syor-syor Suruhanjaya Gaji Guru. Saya sendiri telahpun memberikan penjelasan kepada semua yang berkenaan berhubung dengan perubahan-perubahan ini.

Selain daripada kuasa-kuasa yang berhubung dengan "pengambilan dan pembuangan" guru-guru, atas perkara-perkara tatatertib dan kewangan tugas-tugas lain Lembaga Sekolah tetap kekal seperti yang ada pada masa ini. Peraturan berkenaan dengan kuasa dan kedudukan baru Lembaga-lembaga ini sedang disediakan.

### HIPIS—MENGAWAL

31. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat untuk mengawal kaum hipis yang datang bertambah-bertambah ramai ke negeri ini yang biasanya melibatkan diri mereka dengan ganja, dadah dan lain-lain sehingga seorang Imam Masjid (Islam) tercemar kerana mereka, seperti yang berlaku di Pulau Pinang.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tun Dr Ismail Al-Haj):** Soalan ini bukanlah soalan yang baru dikemukakan dalam Dewan ini dan juga saya telah menerangkan kedudukan hipis ini dalam Persidangan Dewan ini dalam bulan Mei. Saya telah mengarahkan Jabatan Imigeresen dan Jabatan Polis supaya mengawal dengan rapinya tentang kemasukan mereka ini dan tindakan undang-undang serta tindakan untuk mengusir mereka hendaklah diambil jika mereka didapati melalukan perbuatan-perbuatan yang tidak diingini di negeri ini.

### BEREK POLIS DI DAERAH-DAERAH—MENGGANTIKAN

32. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan samada Kerajaan sedar kebanyakan rumah-rumah berek Polis di Daerah-daerah terlampau lama dan buruk. Bilakah rumah-rumah ini akan diganti.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Kerajaan sedar bahawa ada di antara rumah-rumah berek Polis di Daerah-daerah terlalu lama dan buruk. Kerajaan memandang berat dalam hal ini dan sedang mengambil tindakan untuk memperbaharui rumah-rumah berek Polis di Daerah-daerah yang lama dan buruk itu

samada menggantikannya dengan berek baru dan moden atau memperbaiki berek-berek itu sekiranya didapati masih dalam keadaan baik. Kerja pembinaan berek-berek baru telah dan sedang dijalankan dalam Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua mengikut keutamaan (priority) keseluruhannya. Sehingga akhir bulan Mei 1972 sebanyak 2,005 berek kelamin dan 29 belok berek bujang telah disiapkan. Pembinaan berek-berek baru dan moden ini akan terus dilakukan dari semasa ke semasa mengikut rancangan.

## SEJARAH DARURAT—AHLI SEJARAH

33. **Tuan Mustapha bin Hussain** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk melantik atau pun mengamanatkan seorang ahli sejarah untuk menulis sebuah buku mengenai Sejarah Darurat, dan jika ya, nyatakan namanya.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Kerajaan tidak bercadang membuat demikian pada masa sekarang.

## CUTI TIDAK BERDAFTAR—SURAT PEKELILING No. 3/63

34. **Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada Kerajaan sedar bahawa setengah-setengah Jabatan yang tertentu tidak mengikut peruntukan-peruntukan Surat Pekeliling No. 3/63 berhubung dengan memberi cuti tidak berdaftar kepada Pegawai-pegawai Kerajaan yang berkhidmat dengan Tentera Wataniah, menyebabkan setengah-setengah pegawai tidak dapat mengikuti kursus latihan jangka panjang yang diadakan tiap-tiap tahun. Jika ya, samada Kerajaan akan mengambil langkah supaya semua Jabatan akan patuh kepada Surat Pekeliling ini.

**Perdana Menteri:** Menurut Pekeliling Perkhidmatan No. 3 tahun 1963, cuti tidak berekod sehingga ke maksima 14 hari dalam sesuatu tahun bagi tujuan menghadiri kursus-kursus latihan atau latihan perkemahan tahunan yang dianjorkan oleh badan-badan tertentu yang diakui, boleh diberi mengikut budibicara Ketua Jabatan yang berkenaan. Pernah berlaku pada masa-masa yang tertentu di mana disebabkan oleh kepentingan perkhidmatan, pegawai-pegawai kerajaan yang menjadi anggota Askar Wataniah telah tidak diberi cuti tidak berekod untuk menghadiri latihan perkemahan tahunan.

## NELAYAN-NELAYAN DI PANTAI TIMUR—DIGANGGU LANUN-LANUN

35. **Dr Tan Chee Khoon** minta Menteri Pertahanan menyatakan samada beliau sedar bahawa nelayan-nelayan di Pantai Timur sekarang ini diganggu oleh lanun-lanun, jika ya, apakah tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Tentera Laut Diraja Malaysia untuk menghentikan perbuatan-perbuatan merompak ini.

**Perdana Menteri:** Timbalan Menteri Pertahanan telah pun menerangkan langkah-langkah yang sedang dan telah pun diambil oleh Tentera Laut Diraja Malaysia dalam menghadapi masaalah rompakan-rompakan di laut di sebelah Pantai Timur dan Barat, dalam jawapannya kepada soalan yang serupa pada minggu lepas (18-8-72).

Saya suka menegaskan bahawa bilangan kejadian-kejadian rompakan di laut telah banyak berkurangan pada masa ini, jika dibandingkan dengan tahun-tahun lepas. Pihak Tentera Laut Diraja Malaysia adalah senantiasa mengawal perairan kita untuk mengurangkan lagi kejadian-kejadian itu.

## RANCANGAN LIMA TAHUN PEMBANGUNAN MALAYSIA KEDUA

36. **Tuan Fan Yew Teng** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau telah memberi perhatian yang bersungguh-sungguh kepada perlunya satu kajian semula diadakan atas perlaksanaan Rancangan Lima Tahun Pembangunan Malaysia Kedua di pertengahan tahun 1973, dan nyatakan samada beliau telah memutus membenarkan Parlimen menjalankan suatu ulangkaji yang komprehensif dan lengkap pada pertengahan tahun 1973, dan jika tidak, mengapa.

**Perdana Menteri:** Saya telahpun menyatakan beberapa kali bahawa adalah tujuan Kerajaan untuk menjalankan kajian semula tentang kemajuan dan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, satu kajian semula bagi Rancangan Malaysia Yang Pertama telah dinjalakan

dahulu. Begitu juga kajian semula bagi Rancangan Malaysia Kedua akan diadakan pada pertengahan tahun 1973. Dan seperti biasa, lapuran kajian-kajian semula itu akan dibentangkan dalam Dewan ini kelak.

## PERBADANAN KEMAJUAN PERSEKUTUAN—MENUBUHKAN

37. **Raja Nong Chik bin Raja Ishak** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan sebuah Perbadanan Kemajuan Persekutuan selain daripada PERNAS dan Perbadanan Pembangunan Bandar yang sudah ditubuhkan untuk memudahkan penubuhan kilang-kilang dan pelaksanaan projek-projek sejajar dengan perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri yang sekarang ini telah ujud di setengah-setengah negeri di Malaysia.

**Perdana Menteri:** Tidak.

## KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR DI SARAWAK—MEMPERINDASTRIKAN

38. **Tuan Edmund Langgu anak Saga** bertanya kepada Perdana Menteri apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperindastrikan dengan berkesannya kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak sejajar dengan rukun-rukun Dasar Ekonomi Baru.

**Perdana Menteri:** Perkembangan perusahaan di kawasan-kawasan luar bandar boleh dipercepatkan berasas pada bahan asli yang ada di dalam negeri. Pada masa yang lalu, kegiatan-kegiatan perusahaan dalam negeri ditumpukan kepada memperoseskan bahan-bahan mentah, misalnya memperoseskan sagu. Kemudian kegiatan-kegiatan ini telah berkembang untuk meliputi kayu-kayan.

Selaras dengan Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan sedang merancang untuk menjalankan beberapa projek supaya mempercepatkan kadar kemajuan perusahaan di Sarawak. Di antara projek-projek yang telah diusahakan termasuklah memperoseskan udang dan penubuhan perusahaan kayu-kayan.

## ORANG-ORANG TAHANAN DI SABAH—BILANGAN

39. **Tuan V. David** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di dalam kem tahanan Sabah, serta nama, pekerjaan, tarikh dan sebab-sebab mereka ditangkap.

**Tun Dr Ismail Al-Haj:** Tidak ada siapa pun yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri di negeri Sabah.

## KENYATAAN MENTERI MENGENAI BANTUAN KEWANGAN KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN

**Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Datuk Onn):** Tuan Yang di Pertua, saya hendak membuat penerangan berkenaan dengan Kolej Tunku Abdul Rahman.

Tuan Yang di Pertua, Kerajaan telah meluluskan penubuhan Kolej Tunku Abdul Rahman dan bersetuju memberi bantuan kewangan dan lain-lain bantuan kepada Kolej tersebut. Bantuan kewangan adalah atas dasar 50-50 bagi perbelanjaan modal dan juga perbelanjaan pengurusan tahunan. Dasar Kerajaan mengenai Kolej ini akan dikaji dari semasa ke semasa. Semenjak daripada awal-awal lagi pehak penganjur Kolej tersebut telah bersetuju bahawa Kolej itu akan diuruskan dan ditadbirkan tertaklok kepada Akta Pelajaran, 1961 dan mematuhi dasar Pelajaran Kebangsaan.

Surat Cara Kerajaan, iaitu Instrument of Government bagi Kolej ini telah ditetapkan dan dipersetujui. Surat Cara ini memberi cukup perlindungan (safe-guard) bagi menentukan bahawa pengurusan dan pentadbiran Kolej ini akan berjalan dengan betul. Menteri Pelajaran dan Menteri Kewangan akan ada wakil-wakilnya di dalam Majlis Kolej ini dan juga di dalam Jawatankuasa Kewangan Kolej itu. Tiap-tiap tahun Kolej ini akan menghantarkan kepada Menteri Pelajaran Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaannya dan juga Penyata Kira-kiranya yang telah diodit. Kolej ini juga akan menghantar kepada Menteri Pelajaran lapuran tiap-tiap tahun mengenai aktiviti-aktiviti akademik dan lain-lain.

Adalah menjadi dasar Kolej ini untuk mengambil penuntut-penuntut dari segala kaum. Untuk menentukan ini satu peruntukan yang nyata adalah dibuat di dalam surat cara tersebut untuk menguatkuasakan perkara ini.

Dasar Kerajaan untuk memberi bantuan kewangan kepada Kolej ini telah disokong dan diluluskan oleh Parlimen ini ketika

Parlimen meluluskan Rancangan Malaysia Yang Kedua. Oleh hal yang demikian, keperluan bagi Kolej seumpama ini telah diakui dan diterima bukan sahaja oleh Kerajaan malahan juga oleh Parlimen. Dasarnya adalah diasaskan kepada prinsip-prinsip sama-sama bertanggungjawab di antara Kerajaan dan penganjur-penganjur Kolej itu terhadap perbelanjaan, penubuhan dan pengendalian Kolej itu. Menurut kuasa surat cara Kerajaan yang tersebut tadi Kerajaan mempunyai kawalan yang cukup mengenai pengurusan dan pentadbiran Kolej ini untuk menentukan supaya Kolej ini mematuhi dasar Pelajaran Kebangsaan dan kepetingan-kepentingan negara. Terima kasih.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** Tuan Yang di Pertua, penerangan yang diberi oleh Menteri Pelajaran bolehkah kami berpeluang membahathkannya penerangan itu dalam persidangan Dewan Rakyat sekarang?

**Tuan Yang di Pertua:** Tidak ada peluang.

# USUL

## MENARIK BALIK DAN MENANGGUHKAN RANG UNDANG-UNDANG KUTU

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

> Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62 timbangan ke atas Rang Undang-undang Kutu ditangguhkan sehingga mesyuarat yang akan datang.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

> Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62 timbangan ke atas Rang Undang-undang Kutu ditangguhkan sehingga mesyuarat yang akan datang.

## RANG UNDANG-UNDANG PEHAK-BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN-KECIL PERUSAHAAN GETAH

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahathan yang ditangguhkan atas Masaalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (21hb Ogos, 1972).

*Perbahasan disambung semula.*

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus (Dungun):** Tuan Yang di Pertua, suka saya menyambung di atas ucapan saya semalam berhubung dengan Rang Undang-undang yang dibentangkan di hadapan kita iaitu Perbadanan Kemajuan Pekebun kecil Getah untuk maksud-maksud yang berkenaan dengannya. Bagaimana yang telah saya sebutkan semalam tentang soalan-soalan yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil pada peringkat yang pertama iaitu tanaman pekebun-pekebun kecil adalah berkeadaan dengan tidak teratur dan sebagainya.

Kedua, pekebun-pekebun kecil tidak gemar menanam semula dengan sebab kawasan getah mereka terlampau keluasannya di mana kiranya mereka menanam semula, maka mata pencarian mereka akan kehilangan. Dengan sebab itulah sebagaimana yang dikatakan oleh Menteri yang berkenaan bahawa 60% sahaja pekebun-pekebun kecil menanam semula sedangkan ladang-ladang yang besar telah lebih 90% menanam semula.

Ketiga, kemudahan-kemudahan dan kelonggaran jarang kedapatan dalam cara menanam semula di mana kadang-kadang terlambat pergi pemereksaan dilakukan sehingga kebun yang mereka cuci dinaiki oleh rumput dan lalang semula.

Dan inilah yang mendatangkan mereka tidak berjaya mendapat bantuan.

Keempat, selalunya penanam-penanam semula pekebun-pekebun kecil getah mereka payah untuk mendapat ke semua bantuan sebanyak $750 seekar sebagaimana dijanjikan oleh pehak Lembaga ini. Dengan sebab ada

beberapa perkara sahaja yang menjadi bantuan itu tidak dapat diberi sepenuhnya.

Kelima, pemberian benih kadang-kadang tidak memuaskan sebagaimana yang telah berlaku sejak tahun 1955 sehingga 1968 di mana dikatakan lebih kurang 74 juta benih-benih yang kurang baik diberi kepada penanam-penanam semula pekebun-pekebun kecil. Ini adalah mendukacitakan, ditambah pula dengan pemberian benih-benih seperti itu yang ada juga berlaku pada tahun-tahun yang akhir ini.

Keenam, pemberian baja kadang-kadang tidak bagitu sesuai dengan tanah yang ditanam itu. Ini disebabkan kurang penyiasatan yang dilakukan. Mithalnya selama ini hanya pekebun-pekebun kecil diberi dengan baja yang kurang memuaskan seperti CCM2.

Ketujuh, semangat benar-benar untuk mengubah keadaan mereka tidak bagitu kuat sehingga mereka sanggup bekerja benar-benar untuk memodenkan kebun mereka, kalau ada baja setengah dihantar dari mereka tidak menaburkannya dengan sempurna di dalam kebun-kebun mereka, sebaliknya mereka menjual kepada orang lain atau pun membiarkan baja dengan keadaan bagitu sahaja.

Adalah diharapkan dengan lulusnya Rang Undang-undang ini, maka keadaan pekebun-pekebun kecil akan bertambah baik namun bagitu di sini ingin saya memberi sumbangan saya kearah tercapainya maksud kita dalam menaikkan dan memodenkan keadaan pekebun-pekebun kecil iaitu:

(i) yang perlu kita laksanakan ialah penerangan yang jelas hendaklah diberi kepada pekebun-pekebun kecil tentang perlunya tanah mereka ditanam semula supaya angka 60% itu hendaklah dinaikkan saperti yang telah dialami oleh pehak ladang-ladang dan estet-estet. Malah apa yang kita mahu dengan adanya Undang-undang ini maka mereka akan bertambah lebih daripada ladang-ladang dan estet-estet untuk menanam semula. Penekanan saya dalam hal penerangan ini kerana memang setengah-setengah rakyat pekebun-pekebun kecil jauh di pendalaman takut mempersoalkan untuk menanam tanah mereka dengan getah-getah yang baharu, dengan sebab mereka jarang dengar penerangan ditambah pula dengan cakap-cakap bahawa pekiraan untuk menanam semula payah, rumit dan leceh.

(ii) Kemudahan-kemudahan hendaklah diberikan kepada pekebun-pekebun kecil untuk menanam semula kebun-kebun mereka dengan mengenepikan sedikit sebanyak red tape yang ada dalam perjalanan jabatan ini, kerana kita tahu pekebun-pekebun kecil terpaksa pergi ke tempat penulis atau pun petition writer selama ini untuk membuat surat-surat mereka beberapa kali kerana mahu menghantar dan membuat surat kepada pehak yang berkenaan dalam Lembaga Pekebun-pekebun kecil, dan terpaksa memakan belanja beberapa ringgit dan masa yang terbuang serta perjalanan yang jauh Dan termasuk dalam kemudahan-kemudahan pemereksaan terhadap kebun-kebun mereka dengan menentukan masa yang tepat dan memungkinkan keadaan kebersehan kebun-kebun yang ditanam itu dijayakan.

(iii) Menyiasat dengan sungguh-sungguh dan sempurna agar pemberian baja memang tepat dengan keadaan tanahnya yang digunakan itu dan mendatangkan kesuburan yang memuaskan serta pengawasan baja agar benar-benar mereka gunakan untuk kebun mereka dengan tidak dijual atau dibiarkan bagitu sahaja.

(iv) Masaalah cantuman anak hendaklah dibuat dengan sempurna sebaik-baiknya pegawai yang berkenaan pada tiap-tiap kawasan dapat menjalankan usaha mencantum anak dengan cantuman yang bermutu. Jika pegawai-pegawai tiap-tiap kawasan tidak cukup untuk menjalankan usaha percantuman anak ini, maka bolehlah diajar kepada pekebun-pekebun kecil sendiri menjalankan usaha mencantum pada masa kecil dengan diberi kulit dan alatan kepada mereka bagi maksud itu, dan cantuman mereka hendaklah diawasi oleh pehak yang berkenaan dan RRI hendaklah mengakuinya.

(v) Bantuan sebanyak $750 satu ekar dan jika dapat lebih lagi, untuk perlu ditambah. Kesemuanya hendaklah dapat diambil oleh pekebun-pekebun kecil dengan membuat satu cara yang mudah

bagi maksud ini dan melaksanakan kerja tanaman semula berjalan dengan teratur.

(vi) Ubat menggalak susu (ethrel) hendaklah diperluaskan kegunaannya di kalangan pekebun-pekebun kecil dengan memberitahu kereka tentang hasil yang tersebut, dengan tidak mendapat apa-apa bahaya kepada pokok-pokok getah mereka di samping pembajaan pun harus diuruskan dengan lebih sempurna dan buat di masa getah yang bagini murah hendaklah ubat menggalak susu ini diberi dengan percuma kepada pekebun-pekebun kecil supaya dapat mereka gunakan untuk pokok-pokok getah mereka.

(vii) Kedudukan pekebun-pekebun kecil hendaklah disusun semula di mana mereka harus dijadikan sebagai satu syarikat berkelompok dan kebun mereka adalah menjadi saham mereka mengikut keluasan yang ada. Tetapi sebaliknya jaminan pekerjaan harus dijadikan asas utama mengikut keperluan masing-masing, dengan kadar keluasan tanah yang menjadi saham itu adalah menjadi ukuran ramai bilangan diri dan keluarga masing-masing dapat bekerja dengan syarikat tersebut. Ini bagi mengelakkan pemegang-pemegang saham tidak akan dapat bekerja dengan syarikat tersebut mengikut sepatutnya. Dengan cara ini, maka pekebun-pekebun kecil akan dapat diselengarakan oleh sebuah badan atau syarikat yang benar-benar dapat memodenkan kebun-kebun tersebut. Syor ini adalah berlainan dengan apa yang telah dijalankan oleh syarikat pekebun-pekebun kecil Malaysia Barat yang sehingga sekarang ini hanya menjalankan usaha membuka tanah baharu berdasarkan keluasan kebun yang dimiliki oleh pekebun-pekebun kecil yang menjadi pemegang sahamnya.

(viii) Hendaklah digalakkan pekebun-pekebun kecil menanam semula dengan tanaman yang boleh menampung kehidupan mereka supaya mereka tidak selama-lamanya bergantung ke atas getah se mata-mata.

(ix) Latehan pegawai dalam Lembaga harus dijalankan supaya dapat melahirkan pegawai-pegawai yang bertambah cekap dan berpelajaran tinggi.

(x) Lembaga ini haruslah membeli mana-mana estet yang hendak dijual atau dipecah-pecahkan supaya dapat Lembaga menjualkannya sebagai jualan saham kepada pekebun-pekebun kecil.

(xi) Hendaklah Lembaga ini meminta Kerajaan-kerajaan Negeri menurunkan hasil tanah getah yang dikenakannya kepada pekebun-pekebun kecil yang sekarang ini terlampau berat sekurang-kurangnya untuk selama harga getah yang bagini merosot dan bagini murah, Sekian, terima kasih.

**Tuan V. Veerappen (Seberang Selatan):** Tuan Yang di Pertua, saya suka mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan atas Rang Undang-undang ini dan saya minta izin untuk bercakap dalam bahasa Inggeris.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I would only take a little time as I have already spoken at length on the first Bill before us. But this Bill, which has been said to be the most important of the 5 Bills, has been held out to be the panacea for all the ills of our smallholders and it must have given very high hopes to many people in our country. But the Bill merely sets up a new Authority, that is RISDA, Rubber Industry Smallholders Development Auhtority, and we know we have had similar authorities before, like the Rubber Replanting Fund and the Board which were set up earlier and which have been in existence for over 20 years. The Fund and the Board were set up primarily or solely to help smallholders to replant, but, as has been said so often, today only 60% of our smallholders have replanted and there are about a million acres still under old rubber giving very poor yield. For this the Government has to be blamed, and rightly so, Mr Speaker, Sir, because there are several instances in fact where the Government has not allowed full development to go on. For example, in 1967 the smallholders' replanting was restricted to only 45,000 acres per year. Now, this is quite correct and I do not know how often or how long that practice went on. Therefore, our Government has not been allowing people to replant and it now comes and says that the people have not replanted and because of that the yield is poor and therefore their income is very little. For this, the Government stands condemned.

Now, in this Bill the provisions, to my mind, are vague and not clear and if you look at Clause 6, it sets out the functions or objects of this Authority, and that is, for the administration of the Rubber Industry (Replanting) Fund, which was established under section 3 of the Rubber Industry (Replanting). Fund Ordinance, 1952. This is just like the old widow in new clothes, to my mind, because it now takes over the functions of the former Board in managing this Fund. And then it says, "The management and successful operation of Schemes . . . ." I do not know why the word "successful" is there, because normally every action by the Government should and ought to be successful. I do not know why it must be provided by law, to be successful—a successful Fund. However, from the failures so far, one would be surprised to see the use of the word "successful" in a Bill of this nature. Then it also goes on to say:

> "(*c*) the planning and implementation of all research innovations in the smallholder sector."

Mr Speaker, Sir, we have had a long debate on the RRI. I thought that the RRI is supposed to be doing the research but here it says, "the planning and implementation of all research . . . ." Are we to understand that the planning side is to be done by this Authority and the research side is to be done by the other Authority? There is confusion. I think there must be a confusion in the minds of the framers of this Bill itself; (if not, my ability to comprehend must be very limited).

Now, coming to Clause 6(2), it says here:

> "(*a*) the Authority shall—
>
> (i) implement all agricultural innovations that emanate from research;
>
> (ii) co-operate and liaise with all other national agencies . . . . ."

This particular provision appears in all the Bills that we have seen and then we see "modernisation", "modernisation" and "modernisation" all through. To me, it is like expressing pious hopes—you know, like we want to modernise, modernise and modernise; everywhere it is to modernise. I wonder to what extent we will be able to "modernise" the smallholder sector, unless we do make drastic changes. Here it says that this Board which is to be set up will operate schemes but we do not know what these schemes will be. What are they? Are they just these replanting schemes which we have had for the last 20 years? What about the consolidation which we have all talked about, which the Minister of Finance usually says of "uneconomic holdings" and the financing and care of the replanted rubber trees until they mature and after they have matured; Mr Speaker, Sir it is well-known that owing to the poor methods of tapping, sometimes even slaughter tapping, good high-yielding trees have been killed and also by means of improper care of the trees themselves and also by poor maintenance. Who is to take care of all this? Will this authority be responsible?

Now Clause 6 (2) (*b*) empowers the Authority to set up—it is a very strange provision, Mr Speaker, Sir, and I better read it:

> "the Authority may, with the approval of the Minister, from time to time, by order published in the *Gazette* established a corporation . . ."

The word "established" must be a printing error, but what strikes me is why "a" corporation. Why is it just a corporation? The most important thing is can this Authority have the power by mere order to establish another Authority. Mr Speaker, Sir, I think this is clearly wrong.

As I have pointed out in connection with the earlier Bill, where the Minister was given power to modify laws here, I would like to point out that you can only set up a corporation under the law passed by Parliament or under the Companies Act. But how can an Authority set up another body or corporation? What sort of corporation is this? To my previous query the Minister's answer was this, "This provision is not in any way *ultra vires* the Constitution since the Minister is here acting precisely by virtue of the powers delegated to him by this Honourable House". Mr Speaker, Sir, it is wellknown that there are certain functions which nobody can delegate to anybody else. It is for Parliament to pass laws. It is the duty of Parliament and it is Parliament which is vested with the power. Sir, if that is so, how can Parliament delegate its authority to pass laws to a Minister? I think there it was very patently wrong. Here again, this is wrong. Be that as it may, the intention here is to create an authority. I think again it is wrong here

because if it is the intention for this corporation to be set up to take charge of the replanting care, marketing and maintenance of these smallholdings, then we must have this body in each area where there are smallholdings. Then, perhaps, the smallholders can have a sense of belonging and work under one unit and share the benefit. Only such a body, to my mind, could work on all the smallholdings together and bring the benefits of the technological advancements that we have and the results of the research that has been conducted by R.R.I.

The other thing, Mr Speaker, Sir, is that I find that this Bill is not bold enough. While Government seems to be aware of the problems which are faced by smallholders—the Finance Minister said so and the Minister of Primary Industries also said so—it does not seem to appear to tackle the problems boldly. Merely setting up authorities will not, to my mind, solve problems unless these authorities have adequate powers and there is a change in the attitudes of people. The Minister of Finance in his speech called on smallholders to set up supplementary farm enterprises like vegetables and poultry farming, but all these need a change in the attitude of people to work hard and the desire to earn more money and save more money.

Mr Speaker, Sir, as the Honourable Member for Muar Dalam said, there are some smallholders who are doing very well. They have other means of supplementing their income. They rear poultry, perhaps, other animals and they supplement their income. Therefore, if all our smallholders would try to do this, they would do well, but it is merely to evade the issue to suggest that you should go into poultry and you should go into vegetable farming because the basic issue of our smallholders has not been solved and adequate attention has not been given to it.

Secondly, some authorities seem to be merely in name—for instance, high sounding authorities like FAMA and the Federal Land Consolidation Authority. We seem to be now in an era of authorities. But some have not even taken off the ground, like FIMA, for example. I understand it does not have the money to get into anything or to do anything worthwhile. Perhaps it is due to lack of proper manpower or lack of finance. It is generally, Mr Speaker, Sir, a question of finance. But in this case, in the case of rubber, there is no excuse. Finance should not be an excuse and it is unacceptable; it is an unacceptable excuse as far as the rubber industry is concerned.

Mr Speaker, Sir, rubber has been the mainstay of our economy. The whole prosperity of our country is due to rubber and all the reserves that we have accumulated through the years is mainly due to rubber. Smallholders, Mr Speaker, Sir, have paid large sums in cess and duty for the past 20 years. For example—I did a little calculation—if one smallholding produces 500 pounds of rubber per year, it would have paid $450 in the past 20 years per acre; and if this same smallholding had been replanted, it would continue to pay for 30 years, which is the life-span of the rubber tree, about $1,275 in cess alone. What the Government gives in replanting grant is thus more than offset and then what the Government reaps in terms of export duty would be tremendous. Therefore, the Government's replanting grant should be increased.

Secondly, the cess should be suspended completely in a time of recession like this. Today, Mr Speaker, Sir, when the price is round about 35 cents for smallholder rubber, the Government takes 7½ cents in cess and duty. It has always been said in this House that it is 4½ cents, but, Mr Speaker, Sir, I know that 4½ cents is the cess but the duty comes to about 3 cents or so and that all in all 7½ cents goes straightaway to the Government coffers. This represents 20% of the price and thus Government takes the lion's share. If you allow another 4 cents for processing or reprocessing like smoking the rubber sheets and so forth, the smallholder then gets hardly 22 cents per pound. If a person owns 5 acres of smallholding, he would hardly get $1.10, that is, if he taps all the trees every day, but if he taps half the trees one day, or taps alternatively, then he may get 55 cents per day, whereas the Government already takes 7½ cents per lb. I think it is good to have the cess when the price is high as it would be some sort of a stabilising factor. But when the price of rubber is low the cess must be abolished, or at least it must be suspended for the time being. I say so because the lot of the smallholders is a pitiful lot and, as such, I am surprised the Government has rejected also the idea of a guaranteed minimum price.

The Member for Muar Dalam, from my understanding of his speech yesterday, made a very impassioned plea for it to be reconsidered. I join him and ask the Government to reconsider its decision, particularly at a time like this—in a time of depression and recession like the one we have today.

The reasons, Mr Speaker, Sir, given by the Minister for not adopting this scheme are, to my mind, flimsy and cannot bear examination. For example, he says that, and with your permission I shall quote from the Hansard: "It will be difficult to fix what should be the minimum price as efficiency and production costs vary between estates and smallholdings and even among smallholders themselves." It is precisely so, but it should not be a great difficulty to my mind. He continued, "Too high a minimum price will mean that the Government would have to subsidise rubber production."

Mr Speaker, Sir, why not we subsidise the mainstay of our economy? Why not we subsidise it so that the sufferings of our people can be minimised. They are the people who have produced the wealth of our country and in good times we have good revenue, good collection, and good surpluses which are put in reserves. We are so proud of our reserves. Is it not due to these people? So why not we subsidise them? Aren't countries in the world subsidising primary crops such as this?

The third reason, he said, is that "a discriminatory guaranteed minimum price (e.g. only for smallholders below a certain acreage) would be inequitable and very, very difficult administratively to implement." Mr Speaker, Sir, here is a Minister who says it is inequitable. Mr Speaker, Sir, it is inequitable even now, when our smallholders get so little whereas the big estates get more. It is already inequitable. What we are asking you to do is to make it equitable. Therefore, you fix a minimum price.

Then he said that "a G.M.P. Scheme with fixed prices becomes indirectly a price stabilisation scheme." Why should it not be so? He also said that "the minimum price may become the ceiling price for natural rubber in the international markets." He continued that the "G.M.P. Scheme can only be effective if the Government becomes the sole buyer and seller." "This," he said, "in my view, may be interpreted as the first step towards nationalisation of the marketing of Malaysian rubber." He does not say it is definitely so, but 'may be' interpreted; he does not say it is nationalisation.

Mr Speaker, Sir, this is a wrong argument because we know that in times of depression, some of the primary raw materials of the world, like wool, as the Member for Muar Dalam also pointed out, have been brought up and Governments have stepped in. Wool trade was done through private trading. But during the War years, and particularly, Mr Speaker, Sir, during the slum of 1933, the Governments of Australia, New Zealand, Britain and South Africa bought up the wool; in the United States, Mr Speaker, Sir, there was a guaranteed price scheme for wool. In 1943 onwards, the Government stepped into the buying of wool and this went on until the end of the Second World War. It was accumulated and then after the War it was sold and therefore, the Government balanced and helped the farmers who produced the wool. Why can't we? Wool is one of the five raw materials in the world. Isn't rubber one of the first five important raw materials and can't we, as the biggest rubber producer, as we so rightly, happily and loudly proclaim, do this? I believe, Mr Speaker, Sir, that Government has the capacity to do it if it has the will to do it. I therefore urge the Government to reconsider its decision on this question of a guaranteed minimum price. Thank you very much.

**Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Batu Pahat Dalam):** Tuan Yang di Pertua, saya mengambil kesempatan untuk mengalu-ngalukan Rang Undang-undang Perusahaan Getah (Penanaman Semula), 1952 yang dibentangkan di dalam Dewan ini yang mana maksud Rang Undang-undang ini telah dengan tegasnya untuk menolong pekebun-pekebun kecil dan membaiki lagi penanaman semula getah di kalangan pekebun-pekebun kecil.

Ini adalah langkah yang patut untuk melicinkan lagi perjalanan rancangan menanam semula. Apa yang saya harapkan supaya rancangan bantuan penanaman semula ini hendaklah dilaksanakan dengan cara yang mudah dan adil, tidak berlaku lagi rungutan oleh setengah-setengah daripada pekebun-pekebun kecil di atas kesulitan-kesulitan mereka untuk mendapatkan bantuan bagi penanaman semula, manakala

terlaksananya Rang Undang-undang ini. Walau bagaimanapun di sini saya ingin membuat beberapa teguran yang membena.

Rancangan penanaman semula ini hendaklah diperluaskan meliputi bukan sahaja kepada getah, tetapi meliputi kelapa dan lain-lain dusun, sebab kita tahu bahawa sanya kelapa kering adalah bahan ekspot kita yang keempat di dalam negara ini dan jika tidak digalakkan pekebun-pekebun kecil menggantikan pokok-pokok yang tua, tentulah semakin merosot pengeluarannya. Dan mungkin di dalam 50 tahun lagi negara kita tidak akan dapat memasarkan kelapa keluar negeri.

Dusun-dusun buah-buahan juga perlu ditanam semula. Ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan menggalakkan rakyat memakan buah-buahan tempatan. Jadi sepatutnyalah pekebun-pekebun digalakkan menanam pokok-pokok baharu yang boleh mengeluarkan hasil yang lebih baik lagi. Ahli-ahli peladang selama ini ada mencuba dengan benih-benih buah-buahan tempatan untuk mendapat benih-benih yang elok. Jadi apabila pekebun-pekebun menanam semula, bolehlah diberi mereka benih-benih yang baik. Kebanyakan buah-buah tempatan hanya didapati pada musim-musimnya sahaja. Oleh sebab itu, pekebun-pekebun hendaklah digalakkan mengeluarkan hasil yang baik supaya di dalam satu musim buah-buahan ini dapat ditinkan secukupnya untuk pasaran di dalam dan di luar negeri.

Di dalam Rancangan penanaman semula yang ada sekarang ini, benih-benih getah yang dihantar dari Ibu Pejabat kepada pekebun-pekebun apabila dikehendaki. Oleh sebab jauhnya tempat-tempat penanaman semula itu ada kalanya di dalam perjalanan maka benih-benih tunas itu kering kepanasan dan tidak berguna lagi. Saya harap dapat pehak Kerajaan mengadakan pusat-pusat benih getah ini di beberapa daerah supaya benih-benih ini dapat tiba di ladang-ladang di dalam keadaan yang cukup.

Sungguhpun banyak pekebun-pekebun kecil kita yang sudah menikmati hasil dari penanaman semula itu masih ada lagi orang-orang yang ketinggalan. Ini ialah tuan-tuan tanah dusun yang telah menanam getah di tanah itu apabila pokok-pokok itu sudah tua dan hendak di tanam semula, mereka tidak dapat masuk di dalam rancangan penanaman semula ini. Alasan yang diberi oleh Kerajaan ialah kerana mereka telah menukarkan syarat tanaman. Dan kalau hendak menanam getah semula juga, mereka hendaklah menukar syarat dan membayar denda kepada Pejabat Tanah, seekar sebanyak $100. Ini adalah bayaran yang tinggi sekali. Jika dibandingkan dengan pendapatan pekebun-pekebun tersebut tentulah mereka tidak mampu membayar denda ini, dan tanah mereka itu pun terbiar begitu sahaja. Saya berharap pehak Kerajaan akan dapat bertimbang rasa dan membatalkan terus soal-soal denda ini supaya pokok-pokok tua itu dapat ditanam semula dan dapat mengeluarkan hasil yang lebih baik untuk meninggikan taraf hidup pekebun-pekebun kecil yang terlibat di dalam masaalah ini.

**Tuan R. C. M. Rayan (Ipoh):** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Replanting Scheme was first started by the Government in 1952, and the amount of replanting grant at that time was $500 per acre. This amount was subsequently increased in the year 1959 to $600 per acre. Then in 1963, another increase was made, bringing it to $750 per acre. After 1963, the Government had not made any more increases, although the cost of labour and the living conditions had considerably increased. I would urge the Government to consider increasing the amount to suit the present day conditions.

The method adopted by the Government in giving the grant requires adjustments and modifications. Today the Government gives 100% grant for those who own five acres of rubber land or less, but, if they happen to own more than five acres, they get a grant in respect of two-thirds of the holdings only. Thus, if a person, for example, owns five acres of land, he will receive a grant of $750×5, i.e. $3,750 based on the entire five acres. But, for example, if he owns six acres of land, he will receive a grant based on two-thirds of the six acres, i.e. on four acres only and this will bring a grant of only 4×$750, i.e. $3,000; and this is less than that given for the five acres of land. However, the Government gets a cess of $630 for every acre—that is to say, on six acres of land, the Government gets a cess of 6×$630, which comes to $3,780. This shows that the Government collects $3,780 by way of cess, but it gives a grant of only $3,000, thereby making a clear profit of $780 on the six acres in

addition to the duty which it levies. The net result is that the Government gives a grant of $750 for two-thirds of the holdings only but collects a cess of $630 on the entire land, not for two-thirds of the land only. If the profit gained by the Government in respect of six acres is $780, as I have already stated, then the amount collected throughout Malaysia as cess on the millions of acres would amount to millions of dollars. So the Government gets a tremendously big amount as cess besides the duty it collects from land owners.

Now, the replanting scheme was started in 1952, and those acres which were replanted in 1952, i.e. 20 years ago, now require sooner or later replanting again as the life of a tree is only about 20 years. The Government should consider this question also by now.

Now, considering all the factors I have enumerated above, I would urge the Government:

(i) to increase the grant to $1,000 per acre in place of the $750 per acre;

(ii) to give 100% grant to all holdings which are 50 acres and under and not confine to holdings which are five acres and under only;

(iii) to reduce the duty levied by the Government and to reduce the cess collected by the Government to two cents per pound, so that the smallholders may get a fair income;

(iv) to start thinking and adopting another policy for replanting in respect of those lands which were replanted 20 years ago i.e. in 1952.

Coming to this Bill itself, Clause 6 (2) (*a*) (iv) of the Bill reads:

"(2) For the purpose of the effective performance of its functions as aforesaid—

(*a*) the Authority shall—

(i) xxx xxx xxx

(ii) xxx xxx xxx

(iii) xxx xxx xxx

(iv) ensure that the smallholder sector is modernised in every sense to improve the economic wellbeing of the smallholders;".

I would say that the economic wellbeing of the smallholders can never be improved unless new uses of rubber can be explored, so as to increase the price of rubber. This Clause is merely wishful thinking unless the Government explores new methods, so that the large amount of rubber that is available in this country can be utilised for the purpose of making new articles which can be exported in large amounts to other countries which are badly in need of rubber. Thank you very much.

**Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman):** Tuan Yang di Pertua, dalam menyokong Rang Undang-undang ini sebagaimana rakan-rakan saya yang bercakap dahulu daripada ini, saya akan menyentuh dalam dua tiga perkara sahaja yang belum disentoh oleh rakan-rakan saya yang bercakap terlebih dahulu daripada saya.

Pada pendapat saya, Rang Undang-undang ini adalah merupakan satu pem belaan Kerajaan terhadap pekebun-pekebun kecil di negara kita ini yang selama ini, walaupun ada pembelaan, tetapi tidak boleh dikatakan memuaskan. Memandang kepada bilangan pekebun-pekebun kecil pada masa ini lebih daripada ½ juta orang yang memiliki tanah lebih daripada 2 juta ekar, maka adalah kena pada tempatnya Kerajaan menubuhkan satu badan yang akan mengusahakan perancangan dan pelaksanaan segala pembaharuan dan penyelidikan untuk membaiki sektor pekebun-pekebun kecil perusahaan getah. Kerana tenaga yang begitu besar dan tanah yang begitu luas yang boleh mengeluarkan hasil berjuta-berjuta ringgit pada tiap-tiap tahun, jika tidak diatur rancangan yang konkerit untuk mengeluarkan hasil yang bermutu kepada pekebun-pekebun kecil, maka masaalah pengangguran akan berluasan di negara kita ini lebih-lebih lagi pada masa harga getah tidak begitu baik pada hari ini. Kita akan dapati ramai di antara mereka meninggalkan kebun-kebun mereka mencari kerja yang lain untuk sara hidup mereka hari-hari. Saya perchaya dengan adanya badan yang menjalankan tugas-tugas sebagaimana yang tercatit dalam Rang Undang bagaimana yang tercatit dalam Rang Undang-undang ini dalam tempuh yang tertentu nasib mereka akan terbela.

Tuan Yang di Pertua, kalau kita tinjau kembali kedudukan pekebun-pekebun kecil beberapa tahun yang lalu keadaan mereka amatlah menyedehkan, kerana mereka tidak mempunyai organisasi yang teguh yang dapat

mengatur rancangan-rancangan untuk kebaikan mereka sendiri dan mengemukakan satu masaalah yang dihadapi kepada Kerajaan untuk diatasi.

Sebagai contoh, untuk meninggikan mutu hasil pengeluarannya dan juga masaalah harga getah sebagaimana yang banyak disuarakan oleh Ahli-ahli dalam Dewan ini, kerana apa yang kita tahu soal penjualan getah oleh pekebun-pekebun kecil adalah satu perkara ganjil, kerana sebagaimana biasa penjual yang akan menentukan harganya, tetapi kepada getah pembeli yang menentukan harganya. Dalam masa-masa yang akhir ini, baharu kita dapati di tiap-tiap Negeri bahkan di tiap daerah pekebun-pekebun kecil mulai bergerak cergas dengan menubuhkan persatuan masing-masing dan saya bagi pehak pekebun-pekebun kecil negeri Trengganu adalah terhutang budi dan memberi penghargaan yang tinggi kepada Pegawai Tanam Semula Negeri yang bergerak cergas membangkitkan semangat kesedaran dikalangan pekebun-pekebun kecil dengan memberi tunjuk ajar yang baik untuk meninggikan mutu pengeluaran dan taraf hidup mereka di samping menyeru sekalian untuk bersatu merancang satu-satu yang boleh mendatangkan kebaikan kepada mereka. Tetapi dalam masa-masa yang akhir ini, kita dapati arahan telah diterima supaya jangan mengambil cergas dalam soal-soal yang serupa ini, dan kiranya perkara itu berlaku benar, ini satu perkara yang amat mendukacitakan.

Tuan Yang di Pertua, saya berharap pehak berkuasa yang akan ditubuhkan ini akan dapat memberi kerjasama dengan persatuan pekebun-pekebun kecil yang sekarang ini sedang tumbuh dengan baiknya diseluruh negara kita ini. Oleh kerana, badan ini dinamakan Pehakberkuasa Kemajuan Pekebun kecil Perusahaan Getah, maka diharap sajumlah besar dari ahli-ahlinya hendaklah terdiri dari wakil-wakil pekebun kecil, kerana menurut dalam Rang Undang-undang ini cuma lima orang sahaja yang akan mewakili pekebun kecil. Saya berharap bilangan ini akan ditambah sekali ganda lagi supaya membolehkan pehak Perbadanan ini akan membincangkan satu-satu perkara yang benar-benar dihadapi oleh pehak pkebun-pekebun kecil.

Tuan Yang di Pertua, menurut pada amalan sekarang bantuan tanam semula adalah diberi kepada pekebun-pekebun kecil yang memiliki kebun tua yang telah ditoreh tetapi kepada pekebun-pekebun kecil yang memiliki kebun yang tidak sempat ditoreh oleh sebab satu-satu kemalangan berlaku kepada mereka seperti kebakaran dan sebagainya mereka ini tidak berhak mendapat bantuan $750 bagi satu ekar, kerana tidak memenohi syarat-syarat yang dia boleh diberi bantuan dan kepada mereka ini terbiarlah tanah mereka dengan begitu sahaja oleh kerana tidak ada kemampuan untuk menanam semula. Tanaman yang seumpama ini terdapat banyak di negara kita ini. Oleh itu, saya berharap pehak badan ini akan dapat menimbang bagi membangunkan tanah yang tidak dapat diusahakan oleh pekebun-pekebun kecil ini dengan cara memberi pinjaman supaya dapat diusahakan tanah itu daripada dibiarkan membazir dengan begitu sahaja. Kerana kalau FELDA dapat membuka tanah secara besar-besaran menyediakan tempat tinggal dan memberi segala kemudahan sehingga dapat hasil kelak, maka daripada situ dapat diberi bayaran balek dalam tempuh 15 tahun kerana saya harap pehak badan ini tidak ada keberatan untuk membuat sedemikian.

Tuan Yang di Pertua, pekebun-pekebun kecil yang mendapat bantuan daripada Kumpulan B pada masa ini ialah mereka yang memiliki tanah 5 ekar ke bawah. Kepada mereka yang memileki lebih dari pada itu tidaklah berhak mendapat bantuan yang tersebut. Ini adalah satu perkara yang mendukacitakan. Kerana kebanyakkan pekebun-pekebun kecil di Trengganu memileki tanah antara 6¾ ekar ataupun 6½ ekar atau dalam ertikata yang lain sebanyak 7 ekar ke bawah. Kerana menurut undang-undang negeri tahun 1964 tanah-tanah yang hendak diberi kepada pekebun-pekebun kecil adalah tidak kurang daripada 6 ekar, ini berarti kebanyakkan pekebun kecil di Trengganu memiliki tanah yang tidak kurang daripada 6 ekar. Oleh itu, saya berharap kepada Kerajaan dapat menimbang semula supaya bantuan daripada Kumpulan B ini dapat diberi kepada mereka yang memileki tanah 7 ekar ke bawah.

Satu perkara lagi yang saya suka bangkitkan di sini, Tuan Yang di Pertua, ialah sebagaimana kita tahu pada masa ini syarikt kerjasama pekebun-pekebun kecil sedang berusaha membuka tanah berkelompok untuk ditanam semula dengan kelapa sawit dan getah. Dan menurut rancangan yang saya

tahu dalam tahun 1972 sahaja pehak syarikat ini akan membuka tanah tidak kurang daripada 20,000 ekar. Saya berharap pehak syarikat akan memberi keutamaan kepada pekebun-pekebun kecil mengambil bahagian bekerja dalam rancangan ini bagi menampung belanja hidup mereka angkara dari kemerosotan harga getah tersebut.

Itulah sahaja, Tuan Yang di Pertua, dan saya ucapkan terima kaseh. Saya menyokong Rang Undang-undang ini.

**Tuan Hor Cheok Foon (Damansara):** (*Dengan izin*) Tuan Yang di Pertua, we are delighted to be able to have the opportunity to debate on this series of Bills being presented in this House for the last two weeks.

In searching for a solution to our rubber industry, Sir, in spite of the claim laid by the Government that they are all out to save the rubber industry from dying, we see from all the Bills now being presented, that all the claims and the efforts which were promised by the Government, amount in substance to nothing but they are only old wine in new bottles. It is of no use to change the name of the organisation, namely the Malayan Rubber Corporation, together with the Malayan Export Registration Board as it was previously known, to the Malaysian Rubber Exchange and Licensing Board. We have also the Rubber Industry Smallholders Development Authority to take the place of the Malayan Rubber Exchange; then the Rubber Industry Replanting Board and the Council of Malayan Smallholders Association.

Tuan Speaker, if the changing of name, without substance, could save the Malaysian rubber industry, then we could have saved it twenty years ago and today we would not be facing a crisis again. Now we are up to our sleeves to work out some more Bills and getting our mind cracking in order to look for a new solution.

Tuan Speaker, I submit that the sickness of the rubber industry does not lie in how well and how good we can do research and how much more pound we can get out of per acre of rubber estate. I say the R.R.I. and the whole series of associated research and planning bodies, their work, whatever they have achieved in the renovation and improvement in the entire rubber industry is fine. But however, the crux of the problem does not lie in the outcome of their contribution. I would say, firstly, the crux of the problem hinges on the exploitation in production in the rubber industry.

Firstly, we have the exploitation in the estate sector where the estate workers are exploited right down to their bones by the estate owners and we all know that some of the estate owners do not even reside in this country; some of them probably stay in London or elsewhere. This, I would say, is a phenomenon in our country's economy.

Secondly, there is also a series of exploitation in the smallholders sector, whereby in this sector we see tappers, contractors, smallholders, local rubber dealers and right up to rubber magnates. It is a pity that during today's low rubber price the people who are really doing the actual production, daily going to the estate to tap their rubber, suffer. However, the rubber magnates who call the tune, who can manipulate them and who do not know how latex could be extracted from a tree, are untouched.

Tuan Speaker, in spite of all this, never mind, we still could find new ways and means in order to save our dear and our most important primary industry in this country from the crisis it is facing. Well, Sir, we have seen this Bill and as one of our Honourable Members has submitted, all it contains is modernisation; there is no other word that could describe the contents of this Bill. Well, on modernisation, Tuan Speaker, we have to have a revolution or total reorientation in the planning of the rubber industry in our economy. Technically the R.R.I. has done nothing wrong, but, however, it is the human factor in our rubber industry that has gone wrong so far.

What I mean is we have involved too great a percentage or amount of our precious workforce of our country into a single primary industry. In other words, today when the rubber price goes down, the livelihood of half of our population will have to go down with it as well. Sir, it has been said on many occasions, but I will still insist this is the true fact now facing this country. Well, our colonial masters wanted us to plant rubber all over our country and nothing else because they wanted the raw material very badly and they want us to continue to be controlled and manipulated by them. But

after Merdeka and today, we are still doing it but probably we are doing it in quite a different way. Therefore it is essential that we must not keep on replanting, enlarging the area of what we have in the rubber estates, taking up all the precious land which we could reserve for other crops which would in turn earn better foreign exchange.

We come back to this smallholders rubber industry in question. Tuan Speaker, the economic viability of the smallholders depend on how well these people could be organized into something that we could call a self-contained unit. Just now I heard another Honourable Member submit that it is besides the point where we talk about subsidiaries—agricultural or subsidiary cultivation in the smallholders' sector. I do not agree with that because I feel we cannot command the world to pay us the price which we need, that is to say, we cannot fix our price at 80 cents or $1.00 but they pay us according to the amount of rubber that they need from us. Therefore, if we first of all reduce the number of people engaged in the rubber industry, that would help to relieve the tensions that they are facing today; and secondly we have to let the smallholders produce some other things which could supplement whatever income they are obtaining today.

factories must be set up at bigger Districts where rubber is the main crop to help improve the bad grading system and the poor quality of rubber in Sarawak. This also will undermine the activities of unscrupulous middlemen and improve prices in the rural areas for the smallholders in this country. In West Malaysia, with better infrastructure and better access to marketing centres and more improved marketing systems, the smallholders are in a better position. In Sarawak, Sir, it is a different picture. Imagine, we have even Grade 5 rubber in the rural areas there and therefore a price of about 20 cents a pound or about 25 cents a kati, as compared to the more favourable rubber prices in West Malaysia. I feel that something urgently must and need be done and with the passing of this Bill I hope some measures on these lines will be brought about for the sake of the underprivileged and uncared-for smallholders of rubber in Sarawak.

In Sarawak, Sir, it is almost imperative that the dismal picture should be put right. I say this because of the security circumstances in that State, especially in the rubber growing areas, like the Rajang Basin and the Border areas. The subversives are playing a field day in their propaganda which they mainly centred at the present low prices of rubber. This in many cases is effective because of the illiterate, ignorant and therefore simply receptive rural dwellers. If the Government can solve the present rubber price crisis in Sarawak, they might kill two birds with one stone.

Sir, I refer to page 2 of this Bill, Clause 4 (*h*) which states "five representatives of the smallholder sector of the rubber industry one of whom shall be from East Malaysia."

Sir, who represents the smallholders? How is the representatives of the smallholders elected? One representative from East Malaysia is not enough. There must be one each from Sarawak and from Sabah to represent the smallholders. The smallholder's representative can represent the smallholders in Sarawak in order to assist and improve the lot of the smallholders in Sarawak.

The smallholders in Sarawak are in a worse-off position than the smallholders in West Malaysia where the price is higher. Can this body give a guaranteed minimum price for the Sarawak smallholders?

Sir, will this authority have a branch in Sarawak to effectively fulfil its functions. It is no use to have a body in name only; it must be effective. Such an authority must also meet in the different states, including Sarawak, to hear from the smallholders' representatives of their problem.

**Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di Pertua, terlebeh dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kaseh atas pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam masa kita membincangkan Rang Undang-undang ini.

Bagi saya hendak menjawabkan cadangan-cadangan satu persatu barangkali tidaklah boleh dalam masa yang diberikan, tetapi saya ingin hendak menjawab dengan cukup butirannya atas beberapa tajuk, terutama sekali biarlah saya menjawabkan atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sarawak tadi, iaitu mengenai perkembangan lebih luas lagi penanaman getah di negeri Sarawak.

Pada satu tahun yang lepas, saya telah pun beruntung disuruh oleh Kerajaan Pusat untuk melihatkan Rancangan Negeri Sarawak, sama ada Rancangan Pertanian di Negeri Sarawak patut memperhebatkan lagi tanaman getah, tetapi sesudah berunding dengan pehak Kerajaan Negeri Sarawak, maka jelaslah bahawa kerana keadaan yang ada di negeri Sarawak pada masa ini, maka penanaman getah tidaklah boleh digalakkan terlalu cepat sangat. Getah-getah yang ada ditanam di negeri Sarawak dan yang sudah sampai masanya untuk ditoreh dan yang sudah lama boleh ditoreh, tidaklah ditoreh oleh pekebun-pekebun, kerana didalam keadaan negeri Sarawak harga getah pada masa ini dan pada masa itu tidaklah begitu menguntungkan dan banyaklah pekerja-pekerja yang tertarek oleh cara-cara mencari pekerjaan ditempat-tempt lain, mithalnya dikem-kem membalak.

Jadi, banyaklah kebun-kebun getah di negeri Sarawak tidak ditoreh dan oleh sebab itu Kerajaan Sarawak terpaksa mengkaji semula soal penanaman getah di negeri Sarawak. Lagi pun di negeri Sarawak soal infra-struktur adalah begitu sukar di Sarawak adalah tinggal terbelakang sedikit dalam soal ini dan kalaulah rancangan-rancangan di

Sarawak ini tidak diservice dengan kemudahan-kemudahan yang perlu, misalnya jalan-jalan yang cepat pergi ke pengkalan-pengkalan dan tambang-tambang kapal yang cukup sama sejajar dengan di Malaysia Barat ini mungkin juga harga jualan getah di negeri Sarawak tidak dapat menarik cukup banyak orang hendak bekerja sebagai penoreh getah, maka dengan itu kelonggaran telah pun diberikan kepada Kerajaan Sarawak supaya memikirkan, membahagi wang-wang yang diberi di bawah peruntukan untuk replanting ataupun menanam semula getah digunakan untuk menanam tanaman-tanaman lain mengikut rupa keadaan-keadaan yang difikirkan baik di negeri Sarawak sendiri. Jadi saya fikir bagi perinsipnya inilah satu cara yang lebih baik untuk mengatasi soal-soal di Sarawak kerana di Sarawak pun ada keadaan yang berlainan sedikit daripada di Malaysia Barat ini dan biarlah soal penanaman semula apa-apa tanaman ditimbangkan oleh Badan Perancang Ekonomi Negeri Sarawak sendiri pada masa sekarang ini.

Mengenai perwakilan daripada Malaysia Timur, saya terpaksa menyatakan bahawa kita hanya memberi satu sahaja perwakilan daripada Malaysia Timur, kerana kita fikir negeri Sabah ada mempunyai badan getahnya sendiri dan mungkin juga Sabah tidak akan melantik wakil kepada badan di Pusat ini, jadi wakil yang kita harap akan dantang barangkali yang mula-mulanya datang daripada negeri Sarawak.

Juga banyak ada masaalah-masaalah lain, mithalnya masaalah menyelaraskan cess yang sekarang ini belum lagi kita dapat aturkan. Jadi, soal perwakilan tidaklah dapat saya tentukan dengan jelas-jelasnya pada setakat ini mungkin juga sesudah ada perunding di antara Kerajaan Sabah dan Kerajaan Sarawak soal perwakilan ini boleh dibincangkan dengan lebih mendalam lagi. Masa saya menyentuh soal keanggutaan dalam badan ini, saya ingin menyatakan mengapa kita telah melantik dua orang wakil daripada pehak estet. Nampak pada pandangan sepintas lalu mungkin juga memanglah anih mengadakan dua orang wakil daripada estet di dalam badan yang dinamakan Rubber Industry Smallholders Development Authority atau pun Badan Pembangunan untuk pekebun-pekebun kecil. Tetapi kalau kita pandang sedalam-dalamnya terutama sekali atau langkah yang diambil oleh Kerajaan di bawah Rang Undang-undang ini iaitu menyatukan dua buah tabung yang lama iaitu Tabung A, yang sebenarnya mengumpul wang daripada pehak sektor estet, dan Tabung B yang mengumpul wang daripada sektor pekebun-pekebun kecil, maka fahamlah kita apakala dua-dua tabung ini disatukan menjadi satu tabung memanglah berhak bagi estet hendak melantik—diberi lantikan dua orang, ini pun sedikit, kalau dibanding dengan bilangan kesemuanya untuk dapat tahu bagaimana wang-wang yang dikutip daripada estet ini dibelanjakan.

Pada segi yang kedua, saya fikir tidaklah rugi bagi badan ini menerima wakil-wakil darpada estet kerana kita boleh dapat akui pada sekarang ini bahawa pengalaman didalam penanaman getah di negara Malaysia ini di kalangan estet memanglah terpuji sangat dan merekalah yang mengambil faedah sepenuh-penuhnya daripada research mengenai getah untuk digunakan diladang-ladang. Saya fikir ada di dalam kalangan pehak estet ini yang boleh menyumbangkan pengalamannya dan kebijaksanaannya di dalam perkara ini kepada kemajuan RISDA ini nanti.

Begitu juga saya rasa perlu kita memberikan keanggotaan kepada Pengarah RRI kerana seperti kita nampak di dalam tujuan Undang-undang ini, kita mahu mempercepatkan proses memodenkan sektor pekebun-pekebun kecil. Perkara ini tidak dapat dijalankan melainkan ada satu koordinasi yang begitu rapat di antara pehak mengawasi penyelidikan pehak yang akan melaksanakan penanaman semula. Kalau ada kekurangan dalam jentera kita yang lama kekurangannya ialah dalam lapangan koordinasi di antara pehak penyelidikan dengan pehak penanaman semula, kerana bentuk cara-cara pentadbiran pada masa itu tidak memberi satu jambatan di antara pehak menanam semula dan pehak yang menjalankan penyelidikan. Jadi, saya memanglah rasa sangat penting bahawa pehak yang menguasai penyelidikan getah ini diberi satu suara di dalam proses membuat dasar-dasar RISDA baharu ini dan juga untuk menjaminkan dalam pelaksanaan proses memodenkan sektor pekebun-pekebun kecil ini ada nasehat-nasehat yang baik akan datang daripada pehak yang menjalankan penyelidikan.

Masa saya masih bercakap atas penyelidikan, Tuan Yang di Pertua, saya di sini ingin menyatakan bahawa soal menyebarkan atau

pun memberikan benih-benih yang kunu atau benih-benih daripada pokok-pokok yang tidak baik tidaklah ada lagi sekarang ini. Tindakan telah diambil oleh Kementerian beberapa bulan dahulu yang menyatakan bahawa tidak bolehlah lagi benih-benih yang kurang baik dibagikan kepada pekebun-pekebun kecil. Jadi bukanlah salah daripada pehak Replanting Board kerana apakala saya menyelidiki soal ini, saya nampak bahawa pehak pekebun-pekebun kecil telah diberi kebebasan untuk memilih benih-benih bagi kebun-kebun mereka di bawah sistem yang lama. Di bawah sistem yang lama, kita ada menempuh banyak masaalah-masaalah pada masa itu, pertama sekali iaitu masaalah-masaalah hendak menggunakan benih-benih yang baik di tempat-tempat yang jauh. Soal transport ada, soal hendak menyelenggara, hendak menjaga ada, dan soal hendak membawa kayu cangkuk (bund) atau kayu pancang ke tempat-tempat jauh memanglah sukar, kerana kayu ini mungkin lekas kering dan mati sebelum dapat ditanam di tempat-tempat yang jauh. Tetapi keadaan dalam Malaysia sekarang ini telah bertukar dan tidaklah ada satu excuse bagi kita tidak menjalankan dasar yang lebih tegas sekarang ini. Apakala saya menjadi Menteri saya nampak keadaan sudah boleh dijadikan kita mengambil langkah lebih tegas dan langkah tegas telah pun kita ambil.

Tajuk yang sangat menarik perhatian di kalangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap pada hari ini ialah tajuk Guaranteed Minimum Price. Saya rasa penjelasan saya dalam suatu jawapan atas perbahathan dalam Rang Undang-undang yang telah kita luluskan ini patut memadai. Tetapi nampaknya banyak lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang memikir patut soal ini dibincangkan lebih mendalam lagi. Jadi di sini biarlah saya menegaskan bahawa Guaranteed Minimum Price bukanlah konteks kita tidak mahu, Tuan Yang di Pertua. Kalau ada daya upaya kita ingin hendak mencapainya tetapi yang kita susah sekarang ini ialah kalau kita ambilkan Guaranteed Minimum Price, dapatkah sistem ini dijalankan atau tidak dengan sertamerta di dalam keadaan yang sekarang ini. Ini yang menjadi masaalah kepada kita. Sebenarnya kita memang suka kalau ada satu sistem di mana kita dapat menolong pekebun-pekebun kecil terutama sekali pada masa harga getah jatuh sangat. Ini tidak akan menjadi satu soalan bagi Kerajaan. Niatnya mesti ada, tetapi cara perlaksanaannya tidak ada terbuka bagi kita pada masa ini. Benar pun kita sudah nampak bahawa ada beberapa negara telah mengamalkan sistem Guaranteed Minimum Price atau pun dikatakan agricultural subsidy schemekah atau pun price adjustment scheme. Banyak ada nama yang diberi oleh beberapa buah negara untuk memberi satu ketetapan harga minima bagi satu-satu hasil tanaman. Di Amerika telah dijalankan atas beberapa tanaman. Tobacco pun telah ditanam dengan cara ini, sekarang soya been pun telah dijalankan. Ini perkara yang telah disebutkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Tetapi yang kita hendak tengok ialah bagaimana sistem ini telah berjalan di negara-negara yang disebutkan tadi. Nampaknya tidak semua sekim ini telah berjalan dengan begitu baik, ada kala-nya seperti di Amerika yang saya tahu, Kerajaan terpaksa memberi subsidy kepada seseorang peladang supaya jangan bercucuk tanam langsung supaya jangan digunakan tanahnya untuk menanam satu-satu tanaman kerana tanaman itu telah pun keluar begitu banyak dan Kerajaan tidak dapat menjualkan. Ini berlaku dalam soal tobacco dan dalam soal soya been. Jadi ini perkara dapat digunakan, dimakan, tetapi perkara seperti getah ini, mungkin juga akan menjadi soal yang lebih besar, kerana kita tidak makan getah dan getah mesti dikeluarkan, dieksepotkan dan pasarannya tidak ada di dalam kawalan kita sendiri. Jadi bukan kita sahaja yang mengeluarkan getah ini. Harga getah yang sepatutnya walau pun bagaimana seakhir-akhirnya mesti bergantung kepada the law of supply and demand dan supply and demand ini adalah di dalam konteks seluruh dunia tidak dapat kita sahaja yang menentukannya. Jadi kalau kita hendak mengadakan Guaranteed Minimum Price, kita mesti bertanya adakah sistem Guaranteed Minimum Price ini untuk seluruh sektor getah-getah asli iaitu termasuk estet sendiri, atau pun pekebun-pekebun kecil. Kalau untuk kedua-dua estet dan pekebun-pekebun kecil barangkali kita telah ada sekim yang mempunyai sama hasilnya. Tetapi kalau kita hendak mengatakan untuk smallholders atau pun pekebun-pekebun kecil sahaja, mungkin banyak masaalah-masaalah yang timbul. Misalnya bagaimanakah kita dapat menjaminkan supaya harga yang diletak oleh kita itu akan menjadi

harga yang benar-benar dibayar oleh misalnya penjual-beli atau pun dealer kepada pekebun-pekebun kecil dan bukan pekebun-pekebun kecil hanya mendapat harga yang tadi tetapi dealer pula yang mendapat Guaranteed Minimum Price. Inilah masaalah yang kita tempoh dan masaalah ini kita telah kaji sedalam-dalamnya manakala kita hendak turunkan cess dahulu. Jadi masaalah practical implementation ini, pada masa ini, belum ada dapat kita atasi. Mungkin juga pada masa akan datang masaalah-masaalah ini akan dapat kita atasi. Kemudian soal ini akan menjadi soal fiscal policy yang terkeluar daripada tanggungjawab saya. Tetapi saya hanya dapat menceritakan atas perkara ini daripada segi tanggungjawab saya sahaja. Saya hanya katakan pada setakat ini keadaan tidak membenarkan kita dapat menjalankan sistem Guaranteed Minimum Price ini. Kalau sudah keadaannya mengizinkan, maka soal ini akan kita kajikan daripada segi fiscal policy iaitu kemampuan daripada segi cara yang sangat berkaitan daripada segi kemampuan negara kita mensubsidisekan, kalau perlu, harga getah untuk pekebun-pekebun kecil dari mana kita dapat wang bagaimana kita hendak minta subsidy daripada sektor mana ke sektor mana. Ini adalah soal yang akan dijawab oleh rakan saya Menteri Kewangan bila masanya akan tiba nanti.

Berbalik kepada sistem buffer stock yang telah pun disebutkan di dalam Dewan yang muiia ini. Buffer stock sudah kita cuba dengan cara kecil pada masa sekarang ini. Sebenarnya stockpile yang dijalankan oleh Kerajaan sekarang ini adalah satu daripada jenis buffer stock sekim yang boleh dijalankan oleh Kerajaan dan ini operasi yang tidak dapat membezakan di antara kebun dengan estet dan kita telah pun menjalankan ini. Kalau kita ada perjalanan price stablization scheme dan stockpile ini mungkin juga harga getah akan lebih melarat jatuh di dalam beberapa bulan yang lepas oleh sebab kita ada sekim inilah maka harga getah tidak begitu melarat jatuh. Tetapi saperti telah kita dapat tahu bahawa operasi stockpile ini terhad besarnya kerana kemampuan kewangan dan sungguh pun sekarang ini kita boleh lagi menjalankan sejauh-jauh mana yang dapat kita ramalkan tetapi bagi tujuan untuk menjalankan, membesarkan sebagai buffer stock kita barangkali berkehendakkan lebih-lebih banyak lagi wang. Misalnya kalau kita berani sehingga dapat menyimpan sampai 100,000 tan barangkali kita berkehendakkan $90 juta untuk menjalankan operasi ini. Saya rasa, lebih banyak wang akan dikehendaki untuk membesarkan stockpile ini dan jadi buffer stock. Jadi walau bagaimanapun, Tuan Yang di Pertua, kerana gambaran getah asli terpaksa kita kaji daripada segi seluruh pasaran dunia, maka Malaysia dengan sendirinya tidak boleh hendak menempuhkan soal buffer stock ini, atau pun price stabilisation scheme through rubber stockpile dengan sertamerta kerana kita mesti juga membawa negara-negara lain bersama-sama. Dengan tujuan itu, Kerajaan kita telah pun mengambil banyak langkah pada masa-masa yang lepas. Di persidangan UNCTAD, di persidangan-persidangan yang lain misalnya di International Rubber Study Group dan persidangan-persidangan lain di peringkat antarabangsa untuk mendapatkan persetujuan rubber stockpile ini tetapi sejauh yang kita dapat assess sekarang ini, rancangan-rancangan ini belumlah dapat diterima oleh rakan-rakan lain daripada negara-negara yang ada mengeluarkan getah asli, jangankan negara-negara yang mengeluarkan getah synthetic.

Jadi pada masa itu dalam tahun lima puluhan, sikap getah tiruan memanglah tidak begitu baik terhadap kita adakah keadaan akan berubah pada masa sekarang ini. Ini akan saya selidiki dan soal hendak mengadakan International Rubber Stockpile ini tidaklah terus dibuangkan oleh Kerajaan, kerana kita sentiasa akan mencari segala avenues untuk menjayakan apa-apa cara yang boleh menetapkan harga getah kita supaya dapat memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil dan kepada perindastrian getah seluruhnya.

Usaha-usaha ini saya katakan lagi tidaklah tertutup dan cadangan-cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat memanglah saya simpan di dalam ingatan saya dan sekarang ini pun saya sedang mencari avenue-avenue dan mencari adakah pertukaran perubahan-perubahan keadaan yang boleh akan membenarkan saya membangunkan banyak lagi approach-approach baharu kepada pehak pengeluar-pengeluar getah asli mahu pun kepada pehak-pehak yang mengeluarkan getah tiruan.

Ada satu tajuk yang juga menarik perhatian sangat hangat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah soal

memotong kadar cess kita yang ada sekarang ini. Soal ini sebenarnya sudah pun ditimbangkan oleh Kerajaan kita beberapa bulan yang lepas seperti telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan apakala ada terdengar ura-ura kita hendak memotongkan cess kita itu, maka nampaklah sambutan daripada pasaran yang tidak menyenangkan hati. Bila ada ura-ura mengatakan kita hendak potong 2 sen harga getah pula turun 2 sen. Jadi yang kita takuti ialah jangan-jangan kita nanti potong cess ini yang dapatnya bukan pekebun-pekebun kecil, tetapi pula orang-orang yang berdagang getah. Kalau perkara bagini akan berlaku, maka segala perjuangan kita untuk menolong pekebun-pekebun kecil hanya menjadi hampa dan keuntungan pula terpulang kepada pihak yang tidak berkehendakkan sama sekali bantuan daripada kita.

Bagi saya tidaklah saya dapat menerima pada masa ini cadangan-cadangan hendak memotongkan cess itu, kalau hanya daripada segi menolong pekebun-pekebun kecil kerana barangkali susah sangat saya fikirkan pekebun-pekebun kecil akan dapat untung daripada sistem pemotongan cess ini untuk merengankan bebanan bagi pekebun-pekebun kecil. Kalau akibatnya tidak begitu tentu, maka tidaklah mudah bagi Kerajaan hendak menimbangkan supaya kita mengurangkan cess kita dan mengurangkan kutipan wang-wang yang diperlukan sangat untuk menggalakkan semua cadangan-cadangan yang telah kita fikir untuk menolong pekebun-pekebun kecil. Kalau cess dipotongkan mungkin juga ini bererti pendapatan-pendapatan bagi kumpulan wang yang menjadi sumber kewangan RISDA mungkin juga kekurangan dan ini bererti kita terpaksa, kalau tidak memotongkan subsidi, mungkin juga terpaksa memotongkan keluasan tanah-tanah yang patut ditanamkan dengan getah. Pada masa ini, saya rasa eloklah kita jalankan sistem yang nampaknya ada faedah dahulu sambil kita melihat sistem-sistem baharu yang mungkin akan dapat memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil.

Mengenai cadangan hendak meninggikan lagi subsidi daripada $750 kepada $1,000 ini akan saya kupas sedalam-dalamnya, walau pun asas bagi cadangan-cadangan ini iaitu kerana pekebun-pekebun kecil sudah lama membayar cess 4½ sen itu barangkali pendapatan-pendapatan daripada cess ini barangkali sudah sampai $1,000 tidak benar. Sebenarnya berasaskan kepada perhetongan 20 tahun, kita fikir bagi pehak pekebun-pekebun kecil yang ada sekarang ini kumpulan wang tidak dapat lebeh daripada $450. Jadi terpaksalah Kerajaan dalam sistem sekarang ini pun memberi subsidi atau pun bantuan sebanyak $300. Bagi pehak-pehak yang mempunyai tanah lebih daripada 5 ekar kita telah mengambil keputusan hendak memberi $50 lagi lebih kepada mereka bagi tiap-tiap satu ekar. Walau pun begitu, Tuan Yang di Pertua, soal hendak menanam semula atau menanam baharu yang akan dijalankan oleh RISDA ini tidaklah semuanya bergantung kepada soal-soal berapa subsidi yang Kerajaan patut beri kerana kalau kita kumpulkan tenaga kita, kita gembelingkan tenaga kita dari strateji baharu ini dengan ada management backing dan organisation yang betul-betul cekap dengan pentadbirannya, maka dapatlah kita menjalankan sekim yang menggunakan wang-wang pinjaman. Sekarang ini pun kita telah memulai satu perundingan dengan Bank Pertanian supaya dalam membuka tanah-tanah baharu kita dapat pinjaman yang boleh menambahkan wang $750 itu sampai kepada $1,200 atau pun apa-apa perbelanjaan yang dikehendaki untuk membuka sesuatu ekar dari pinjaman daripada Bank Pertanian.

Tuan Yang di Pertua, ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengatakan patutlah di bawah rancangan ini dibenarkan pekebun-pekebun kecil menanam tanaman-tanaman lain. Ini memanglah dalam dasar kita sekarang ini sesiapa hendak menanam kelapa dan tanaman-tananam lainnya akan diberitahu oleh pehak-pehak penasehat pekebun-pekebun kecil, kita akan beri wang subsidi itu bagi menanamkan tanaman-tananam yang mereka kehendaki itu dengan syaratnya tanah yang mereka mahu itu memang sesuai untuk sesuatu jenis tanaman.

Saya tahu ada masaalah yang besar dikalangan pekebun-pekebun kecil ialah masaalah menukar syarat tanah sebelum mendapat subsidi untuk menanam getah. Ini adalah masaalah yang besar pada masa sekarang ini. Tindakan sedang diambil oleh Kementerian saya supaya berunding dengan pehak-pehak Kerajaan Negeri dan mencari sistem dengan mana-mana dapat dipercepatkan soal penukaran syarat-syarat tanah ini

supaya tidak melambat-lambatkan kemahuan rakyat hendak menanam baharu di bawah sekim replanting ini . . . . .

**Tuan Yang di Pertua:** Saya suka hendak bertanya, adakah panjang lagi yang hendak dijawab?

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, saya fikir biarlah saya habiskan jawapan saya pada setakat ini sahaja.

**Tuan Yang di Pertua:** Kalau begitu, menurut Peraturan Majlis Mesyuarat saya minta seorang Menteri membawa satu usul memanjangkan masa Mesyuarat ini.

## USUL

### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

**Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga urusan yang ada pada masa sekarang ini diluluskan.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

> Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini hingga urusan yang ada pada masa sekarang ini diluluskan.

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di Pertua, sebenarnya hanya satu perkara sahaja yang saya hendak bercakap iaitu ramai Ahli-ahli suka hendak tahu bagaimana kita hendak menjalankan sistem selepas penubuhan RISDA ini. Sebenarnya satu daripada sebab-sebabnya kita mengadakan RISDA ini ialah untuk menggunakan pentadbiran yang lebih cekap, satu accounting system dengan baik dan satu cara hendak menanam baru di mana pekebun kecil tidak mempunyai tanah lagi yang lebih luas bagi mereka hendak bertanam baru tanam yang lama tidak boleh ditebang kerana mereka berharap kepada pokok-pokok getah iaitu yang ada dalam kebun mereka sekarang ini. Jadi bagi outline system kita hendak memberikan peluang bagi pekebun kecil yang ada tanah kecil sangat supaya mereka dapat menggunakan wang subsidy mereka itu untuk membuka tanah baru di tempat lain dengan menerusi syarat. Jadi RISDA ini akan membuat satu kompeni atau pun co-operative yang boleh membuka sebidang tanah baru lebih kurang macam estet dan akan dijalankan macam estet. Siapa yang mahu pindah dari tanah lama ke tanah baru ini, mungkin dapat di gaji menjadi orang-orang gaji estet corporation itu dan yang tidak mahu boleh tinggal. Bagi mereka yang sudah sedia hendak meninggalkan tanah-tanah lama, maka kita boleh menolong menerusi RRI menggunakan stimulant atau pun penggalak supaya dapat menureh susu lebih banyak lagi keluar daripada pokok-pokok yang lama sebelum pokok itu ditebang dan dengan cara ini dapat menolong menambahkan sedikit pendapatan bagi pekebun-pekebun kecil itu.

Itu sahaja outlinenya, Tuan Yang di Pertua, bagi saya hendak menceritakan detil barangkali sekarang tidak perlu kerana apakala RISDA sudah ditubuhkan nanti, saya akan bercakap lebih banyak lagi atas sistem-sistem yang kita akan lancarkan menerusi susunan baru yang kita jalankan menerusi RISDA.

Itulah sahaja ucapan saya, Tuan Yang di Pertua.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua yang diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 4*—

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Fasal 4 (1) (*f*) dipinda saperti yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Pindaannya adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| *Fasal 4 (1) (f)* ... | Gantikan "Malaysian Rubber Research Institute" dengan "Rubber Research Institute of Malaysia". |
| *Clause 4 (1) (f)* ... | Substitute "Rubber Research Institute of Malaysia" for "Malaysian Rubber Research Institute". |

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Fasal 4* sebagaimana yang dipinda di perintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 5* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Fasal 6*—

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Fasal 6 (2) (*b*) dipinda seperti yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Pindaannya adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| *Fasal 6 (2) (b)* ... | Gantikan perkataan "established" yang terdapat dibaris 3 dengan perkataan "establish". |
| *Clause 6 (2) (b)* ... | Substitute the word "establish" for the word "established" appearing in line three. |

Pindaan dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

*Fasal 6* sebagaimana yang dipinda di-Rang Undang-undang.

*Fasal 7 hingga 12* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

*Jadual* diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilapurkan dengan pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

# PENANGGUHAN

**(Usul)**

**Tan Sri V. Manickavasagam:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon mencadangkan supaya mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:** Tuan Yang di Pertua, saya mohon menyokong.

# UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

## BUKU-BUKU TEKS PERCUMA BAGI SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH

**Tuan Fan Yew Teng (Kampar):** Tuan Yang di Pertua, saya akan bercakap dalam bahasa Malaysia dan mohon izin bercakap dalam bahasa Inggeris.

Tuan Yang di Pertua, pada tiap-tiap tahun semasa permulaan baharu persekolahan, banyak ibu bapa yang mempunyai beberapa orang anak yang bersekolah dipastikan meminjam wang untuk membeli buku-buku teks untuk persekolahan anak-anak mereka. Oleh sebab itu, buku-buku teks adalah satu masaalah yang teruk dan menyebabkan kesusahan besar kepada ibu bapa khasnya ibu bapa yang berpendapatan kecil.

Kebanyakan ibu bapa mestilah membelanjakan beberapa ratus ringgit tiap-tiap tahun untuk membeli buku-buku teks baru untuk anak-anak mereka. Perbelanjaan beberapa ratus ringgit tiap-tiap tahun ke atas buku-buku teks sahaja, bukanlah satu masaalah yang kecil khasnya semasa pengangguran adalah serius dan semasa pendapatan untuk kebanyakan gulungan rakyat jelata adalah sangat rendah khasnya rakyat sebagai penoreh getah, pekerja-pekerja di lombong petani-petani dan lain-lain.

(*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, in the urban areas, the hawkers, the taxi drivers and the petty traders are most adversely affected also.

The Government often boasts that it is giving free schooling to the children of our country. However, primary schooling cannot, strictly speaking, be considered as free as long as parents have to be subjected to a great deal of anxiety, headaches and even heartaches to get enough money at the

beginning of each school year to buy textbooks for their children.

The Government should realise by now that poverty is one of the main causes for the high failure rate and the drop-out rate in our primary school system. The Ministry of Education should seriously think of ways and means to alleviate the socio-economic hardships of the poor parents, instead of doing things to aggravate them.

I call on the Ministry of Education to seriously consider making free primary schooling genuinely free, by providing free textbooks to all primary school pupils. The Government can do this by joining in the textbook printing industry. Moreover, the Government need not really give such free textbooks to the pupils concerned for good. Books, which have been provided free to pupils for one year can be passed on to other pupils the following year. Thus, a massive free textbook loan system can be worked out to benefit as many children in our country as possible.

I fervently hope that the authorities would give serious attention and consideration to this suggestion. Thank you, Sir.

**Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di Pertua, Kerajaan sedar akan masaalah ini dan telah pun mengambil langkah-langkah positif untuk mengurangkan beban ibu-ibu bapa itu. Walau pun demikian, Kerajaan belum bercadang memberi buku-buku teks percuma kepada setiap orang murid sekolah rendah kerana ini akan memakan belanja yang besar.

Di dalam beberapa tahun kebelakangan ini Kementerian Pelajaran telah membelanjakan lebih kurang $1.2 juta tiap-tiap tahun untuk membekalkan buku-buku teks percuma kepada murid-murid miskin dan yang tidak mampu membeli buku-buku teks mereka, terutama bagi penuntut-penuntut di luar bandar. Bagi makluman Ahli Yang Berhormat itu berikut ini ialah perbelanjaan membekalkan buku-buku teks percuma bagi tahun 1969, 1970 dan 1971:

| | | |
|---|---|---|
| 1969 | ... ... | $1.215 juta |
| 1970 | ... ... | $1.260 „ |
| 1971 | ... ... | $1.200 „ |

Sekiranya dirasakan peruntukan yang ada tidak mencukupi maka Kementerian Pelajaran akan berikhtiar untuk menambah peruntukan tersebut, pada masa-masa yang akan datang.

Disamping usaha Kementerian Pelajaran ini terdapat juga bantuan-bantuan buku teks percuma yang diberi melalui Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kebajikan Am.

Sebagai langkah yang terbaharu, Kerajaan telah melantik sebuah Jawatankuasa yang bernama Jawatankuasa Penyelarasan Berkenaan Dengan Bantuan kepada Penuntut-penuntut sekolah. Salah satu daripada tugas Jawatankuasa ini ialah mengkaji masaalah buku-buku teks di sekolah-sekolah.

Mengenai perkara menurunkan harga buku-buku teks, baharu-baharu ini Kementerian Pelajaran telah mengadakan perjumpaan dengan Persatuan Penerbit-penerbit Malaysia dan sebagai hasil dari perjumpaan tersebut Persatuan ini telah bersetuju memotong 10% daripada harga buku-buku teks yang dicetak oleh mereka untuk tahun 1973 dan memotong 10% lagi pada tahun 1974. Kementerian saya akan sentiasa berusaha untuk menentukan yang harga buku-buku teks itu berpatutan dan tidak menjadi beban kepada ibu-ibu bapa.

Mengenai pelajaran percuma di sekolah-sekolah rendah, saya suka menyatakan di sini bahawa untuk melaksanakannya Kerajaan membelanjakan sebanyak $170 bagi setiap orang murid tiap-tiap tahun. Sebagai contoh pada tahun yang lalu ada seramai 1.45 juta murid di sekolah-sekolah rendah. Ini bererti bahawa Kerajaan membelanjakan sebanyak $248 juta pada tahun yang lalu untuk melaksanakan rancangan ini. Kita semua makium bahawa jumlah kanak-kanak yang akan masuk belajar di sekolah-sekolah rendah akan meningkat pada tahun-tahun yang akan datang. Ini bererti bahawa jumlah yang terpaksa dibelanjakan bagi pelajaran rendah percuma pada tahun-tahun yang akan datang akan meningkat. Jika sekiranya syor membekal buku-buku teks ini diterima maka jumlah yang terpaksa dibelanjakan oleh Kerajaan bagi melaksanakan rancangan pelajaran rendah percuma pada tiap-tiap tahun itu akan menjadi terlalu besar dan di luar kemampuan kewangan Kerajaan sendiri.

Saya suka juga menyebutkan di sini Kementerian Pelajaran akan sentiasa berusaha untuk membantu kanak-kanak yang miskin bagi menjamin bahawa kemiskinan tidak akan menghalang mana-mana kanak-kanak yang tidak mampu daripada memperolehi pelajaran yang sempurna. Akan tetapi saya suka menegaskan di sini bahawa masaalah memberi pelajaran ini bukanlah semata-mata tanggungjawab Kerajaan. Peranan orang ramai terutama ibu bapa adalah sama pentingnya, terutama bagi mereka yang mampu.

## PONDOK-PONDOK TALIPON DI PULAU PINANG UTARA— DIPERBANYAKKAN

**Tuan Peter Paul Dason:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, telephone in this modern age has become a necessity not only for the urban people but for those who live in rural areas also. They need telephones, especially public telephone booths, in times of emergencies—all kinds of emergencies can arise. But, unfortunately, Mr Speaker, Sir, in a lot of places, rural areas like those in my constituency of Pulau Pinang Utara, there are insufficient public telephone booths. For instance, in Mukim 1 of Telok Bahang, where there are over 200 homes, the nearest telephone booth is more than half a mile away. At Pepper Estate, Beauty Park, Gunn-Teik Estate, Green Garden Estate and Kampong Hijau, public telephone booths very often are a mile away or more than half a mile away; and residents in these areas find it very inconvenient and sometimes in emergencies, they just cannot get to the telephone booths in time.

Mr Speaker, Sir, in these areas, there are very few private telephone subscribers and very few people have got private telephones, because the monthly rentals for getting private telephones are too high, because the Telecommunications Department charges rentals according to the distance at which the telephones are sited from the Telephone Exchange, and the charges for connecting the line are also too high. Therefore, these rural areas have very few telephones when the necessity for them is great.

Mr Speaker, Sir, I hope that the Telecommunications Department will not view the question of fixing private telephones in these areas purely from the commercial aspect of it. The Department should look at it as a service to the public.

Mr Speaker, Sir, electricity rates are not charged differently due to the differences in the distance of consumers from the source of supply of electricity. The Government considers the supply of electricity to consumers as a service to the community. Why is it not so in the case of telephones? The Government should review the installation of telephones, not only public telephone booths but also telephones for private purposes in the same light.

Mr Speaker, Sir, a large portion of my constituency consists of rural areas and the people in a lot of these housing estates have approached many times the Telecommunications Department for public telephone booths and very often instead of a reply they are confronted with a question instead, whether the residents in the given area are willing to give a guarantee that the public telephone booth, if placed there, will not be vandalised.

Mr Speaker, Sir, it is unfair to expect the residents who ask that a public telephone booth be sited near the area where they live to guarantee that it would not be vandalised. How could they? Are they to keep watch over it all the time? Residents invariably are unable to give this assurance. All the same, many public telephone booths have been sited in a lot of places. Are we to understand that in each and every case the Telecommunications Department has obtained assurances from the public or the community in that area that those booths will not be vandalised? If not, I think it is only fair that this request be not made. Perhaps it is not a directive from the Ministry that the officials should make this request of residents who ask for public telephone booths, but this has happened and I hope that the Ministry will give instructions or directives to the officers concerned not to ask for guarantees when community leaders in any given area approach them for the installation of public telephone booths. This habit of officials asking for this guarantee should cease, Mr Speaker, Sir.

Very often when members of the public approach for a public telephone booth to be installed in their area are told, "Well, you have a public telephone booth very near your

place; it is only about half a mile from your residence and you all do not need one." Surely, Mr Speaker, Sir, distance alone should not be the criterion of whether a public telephone booth should be sited in any given area. Just because that is half a mile away or three quarters of a mile away, does not mean that there is no necessity for another public telephone booth in any given area. Surely, the criterion should be the density of population in a given area. Take, for example, Mr Speaker, Sir, the Rifle Range Flats in Penang. There are 9 blocks of flats there, each block having over 400 units and all that they have there are three public telephone booths to serve over 20,000 people. Mr Speaker, Sir, surely the density of the population in that area demands that there should be more public telephone booths. I hope the Ministry will take this into consideration and install at least one public telephone booth for every block there.

Mr Speaker, Sir, very often the telephones in these public telephone booths go out of order and they remain so for days at times. Is it not possible for the Telephone Exchange to regularly check, dial the particular telephone booth number, say twice or three times a day, and see whether anything has gone wrong with the telephone, and where something has gone wrong, to immediately make repairs. I hope, Mr Speaker, Sir, that the Honourable Minister will consider my views and install more public telephone booths in my constituency.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir):** Tuan Yang di Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara ini dia fikir Telecommunications Department atau Pejabat Talikom satu pejabat charitable institution—bukan. Rumah Yang Berhormat ini pun telah diberi commercial accounting, apabila commercial accounting apa yang kita buat kita mesti account for. Nothing in this world is free. Even for the air you breathe you have to pay for it. That is what Singapore says; we also say so. Saya haraplah patut Ahli Yang Berhormat itu berterima kasih banyak kepada Pejabat Talikom dan kepada Kementerian Perhubungan kerana dia dapat berhubung disini. Kita telah mengadakan pejabat ini, Pondok-pondok Talipon diseluruh negeri Pulau Pinang sebanyak 219.

Di Pulau Pinang sahaja ada sebanyak 125 dan di Province Wellesley ada sebanyak 94 dan daripada jumlah itu sebanyak 60 adalah terletak di dalam kawasan pilihanraya Pulau Pinang Utara—60 tidak cukup lagi! Kalau sudah rosak, jangan marah kami. Kita akan perbetulkan nanti supaya tidak rosak lagi. Bagi mereka Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak dapat memberi kerjasama dengan pehak-pehak pengguna disitu, ini memang tidak patut kita beri. Apabila kita beri dengan percuma, dia rosakkan; apabila dikehendaki tidak boleh digunakan. Jadi bermakna tidak ada juga talipon disitu. Dengan ini saya memohon kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terutama daripada pehak Polis dan pengaman, sebelum memikirkan di mana Pondok Talipon itu akan ditempatkan, kita akan memilih tempat yang dekat dengan Balai Polis dan Pondok Polis, atau pun kelinik yang ada jaganya yang kita fikir akan kita kuncikan. Kami tidak memaksa mesti menjaga keamanan, tetapi mereka hendaklah menggunakan talipon supaya jangan sampai rosak. Kalau ada budak-budak nakal, orang nakal, orang yang datang kesitu, itu kita patut mengadakan Jawatankuasa Kampung bagi menjaga keamanan, bukan sahaja rosak talipon, bahkan keamanan diseluruh kampong dalam kawasan itu hendaklah dijagai. Kita tidak paksa, kita tidak guarantee, kita tahu di mana kita akan adakan tempat-tempat dan mana yang ada yang didapati rosak, kita akan pindahkan ketempat lain, tetapi kalau tiap-tiap rumah kita beri talipon percuma (free), nanti Pejabat Talikom akan tutup esok.

Selain daripada itu, saya mintalah supaya Ahli Yang Berhormat itu faham dan tahu bahawa kita ada mengenakan lebih sewa apabila lepas daripada kawasan 2 batu bagi sebuah talipon dirumah kediaman yang terletak di dalam lengkongan 2 batu dari sebuah Ibusawat Talipon Exchange ialah $204 setahun—dalam setahun ada 360 hari cubalah kita bagi berapa sen sahaja atau berapa ringgit sahaja sehari.

Talipon digunakan oleh orang yang mampu dan orang berniaga, bukan sahaja kita beri talipon ini bagi orang yang tidak mampu, dia boleh gunakan, tetapi kita tidak boleh buat terlampau banyak kerana uneconomical, pada tiap-tiap kali kita menggunakan modal beribu-beribu ringgit, dan kita mesti dapatkan balik dalam beberapa bulan. Ini commercial accounting, tolong

sedikit Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Utara supaya faham akan kedudukan Pejabat Talikom.

Walau bagaimanapun di mana sebuah talipon itu terletak di luar lengkongan 2 batu maka akan dikenakan sewa tambahan sebanyak $24 setahun bagi tiap-tiap suku batu atau sebahagian daripadanya di luar kawasan lengkongan itu. Semasa ini telah ditetapkan mengikut undang-undang serta juga mestilah diingat sebagai mengadakan dan menyelenggarakan sebuah talipon yang panjang yang jauh, atau panjang wire yang hendak digunakan adalah memakan belanja yang banyak.

Sewa-sewa talipon adalah dikaji dari masa kesemasa. Bila didapati perlu atau justified recommendation atau perakuan-perakuan akan dikemukakan kepada Kementerian Perhubungan dan juga kepada Perbendaharaan atau Kementerian Kewangan untuk diubah sama ada dinaikkan atau pun diturunkan. Maka saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang bercakap mengenai perkara ini, dan dalam Rumah Yang Berhormat ini sudah 10-20 kali saya terangkan dalam jawapan saya yang dahulu.

Telephone boxes not available for the time being—kita sedang mengeluarkan tender, kerana yang mana boxes yang lama sudah habis kita pakai dan kalaulah kita salvage dimana-mana yang tidak digunakan, kita boleh pindahkan ke tempat yang lebih sesuai tentulah kita akan menempatkan pondok-pondok talipon ditempat orang ramai. Kita tidak akan mengadakan ditanah lapang, atau ditepi hutan, atau ditepi padang yang tidak ada manusia tinggal di situ. Ini menjadi satu dasar memberi kesenangan kepada orang ramai, tetapi janganlah meminta sampai hendak menjadi charitable institution pula. Nothing is free, but the Government pays for you. But once you attack the Government too much we say nothing doing. Give us your co-operation and we will give you ours. That is the best thing we understand. Whether you are from the Opposition or the Government, we have to account for every cent which we spend in the Telecommunications Department because it is a self-accounting department. Please bear that in mind; give your co-operation, we will give you the co-operation.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujukan.

**Tuan (Timbalan) Yang di Pertua:** Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang esok, 23hb Ogos, 1972.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.*